



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA  
*Senate*

PARLIMEN KELAPAN  
*Eighth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

---

Jilid I

Bil. 30

Hari Khamis

19hb Disember, 1991

---

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar  
Pesisir Labuan (Pindaan)

(Ruangan 42)

Rang Undang-undang Ekstradisi

(Ruangan 107)



**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Khamis, 19hb Disember, 1991**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PENGAWASAN PASARAN MODAL - SURUHANJAYA SEKURITI**

**1. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Kewangan menyatakan langkah segera yang perlu diambil untuk menyusun semula dan memperkemaskan segala peraturan dan perundangan mengenai pasaran modal, termasuk berkaitan pengawalan, pengawasan dan perkembangannya, dan adakah sebuah Badan khas untuk ditubuhkan untuk tujuan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mastapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan Belanjawan 1992, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan menyusun semula badan-badan yang mentadbir dan menyelaras pasaran modal melalui penubuhan sebuah badan pengawalan, iaitu Suruhanjaya Sekuriti. Penubuhan Suruhanjaya ini akan membolehkan perancangan bagi pembangunan pasaran modal dibuat dengan teratur dan menjamin pengawalan yang lebih cekap serta berkesan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, satu Pasukan Petugas telahpun ditubuhkan untuk mengkaji cadangan penubuhan Suruhanjaya Sekuriti. Antara bidangkuasa Pasukan Petugas ini ialah mengkaji langkah-langkah yang perlu diambil untuk menubuhkan badan pengawalan, organisasi dan fungsi-fungsi serta struktur perundangannya. Laporan Pasukan Petugas sudahpun hampir siap dan akan dikemukakan kepada satu Jawatankuasa Khas untuk kajian lanjut.

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir lanjut mengenai langkah-langkah yang akan diambil untuk menubuhkan Suruhanjaya Sekuriti ini serta bidang kuasanya bagi mengawasi pasaran modal dengan berkesan hanya boleh diumumkan setelah Kerajaan mengkaji laporan tersebut. Walau bagaimanapun, seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kawangan, Suruhanjaya Sekuriti dijangka akan ditubuhkan pada tahun hadapan.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Setiausaha Parlimen sedar bahawa seminggu sebelum menjelang 31hb Disember yang lalu, saham-saham yang dimiliki oleh ASN naik dengan mendadak dan jika sedar adakah ianya ada kaitan dengan dividen dan bonus yang akan diisytiharkan oleh pihak ASN?

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak ada hubungan langsung dengan soalan asal. Walau bagaimanapun,

sepertimana kita semua maklum nilai saham-saham ASN itu adalah berhubung rapat dengan nilai-nilai saham di KLSE. Jika sekiranya indeks KLSE itu naik, maka nilai saham ASN juga akan naik. Sebaliknya jika ia turun, maka ia akan turun. Oleh itu, kenaikan nilai saham ASN pada 13hb Disember adalah berhubung rapat atau secara langsung dengau indek di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

**Tuan Dahlan bin Haji Embon:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah fungsi-fungsi ataupun kegiatan-kegiatan dalam pasaran modal ini yang selalunya diselewengkan? Terima kasih.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada perkara-perkara penyelewengan yang berlaku, cuma hasrat Kerajaan dalam menubuhkan Suruhanjaya ini ialah untuk memastikan bahawa pasaran modal berjaya dengan baik, khususnya daripada maklum balas yang diterima daripada sektor swasta, mereka berpendapat bahawa proses sekarang ini mengambil masa yang lama, kadang-kadang sampai satu dua tahun. Jadi dengan penubuhan Suruhanjaya ini diharapkan apabila semua kegiatan agensi Kerajaan yang terlibat disatukan atau diselaraskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat kira-kira enam buah agensi yang mengawasi pasaran modal. Dengan tertubuhnya Suruhanjaya ini, maka proses berkaitan dengan pasaran modal akan dapat diselesaikan dalam masa yang singkat.

**WAWASAN 2020 - IMPLIKASI**

2. **Tuan Hustaffa bin Awang** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa Wawasan 2020 sangat penting dan memerlukan suatu tenaga penggerak yang benar-benar tahan dan rela merancang serta melaksanakannya. Apakah tindakan lanjut dari pihak yang berkenaan kepada pengawai dan kakitangan Kerajaan dan rakyat di negara ini agar "Wawasan" tersebut benar-benar tercapai.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, Wawasan 2020 adalah tahap matlamat senario perkembangan ekonomi negara dan tahap kesempurnaan hidup rakyat yang dianggar dapat dicapai dalam satu generasi. Ia memberi gambaran sasaran dan arah yang perlu dilalui oleh rakyat Malaysia. Berdasarkan penerimaan sasaran dan arah ini membawa implikasi bahawa segala perancangan pembangunan negara dan pelaksanaan haruslah berlandaskan Wawasan 2020 sebagai panduan.

Bagi tujuan ini rancangan-rancangan pembangunan yang ada sekarang ialah Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua bagi tempoh 1991-2000 iaitu sepuluh tahun. Dalam tempoh ini perancangan peringkat pertama telahpun disediakan dalam bentuk Rancangan Malaysia Keenam. Pembahagian masa rancangan peringkat sederhana 10 tahun dan peringkat pendek 5 tahun merupakan usaha-usaha penyesuaian.

RRJP2 10 tahun memberi panduan jangka panjang yang sesuai, manakala Rancangan Malaysia tiap-tiap 5 tahun adalah untuk membolehkan penyesuaian rancangan dibuat mengikut perkembangan masa. Di samping itu penilaian rancangan dibuat tiap-tiap pertengahan peringkat pelaksanaan. Ini bermakna secara dasar Wawasan 2020 negara mempunyai sasaran matlamat yang terang dan nyata tetapi dalam usaha mencapai rancangan-rancangan yang berperingkat membolehkan usaha penyesuaian matlamat dengan keadaan perkembangan semasa dan usaha-usaha yang diambil di dalam pelaksanaan adalah berbentuk praktikal, pragmatik dan mengambil kira keadaan semasa.

Bagi melaksanakan perancangan, negara mempunyai pegawai-pegawai yang berpengalaman dan mekanisme pelaksanaan rancangan pembangunan yang cekap dan teruji. Walau bagaimanapun, melalui latihan berterusan, pegawai dan anggota Kerajaan sentiasa boleh memperbaiki dan meningkat prestasi keupayaan pelaksanaan rancangan pembangunan. Bagi rakyat Malaysia, terutamanya tenaga kerja muda yang akan memasuki pasaran, buruh, latihan-latihan yang disesuaikan dengan keperluan industri akan terus disediakan kemudahannya. Dengan ini, Malaysia akan mempunyai tenaga pekerja yang terlatih dan cekap, sesuai untuk keperluan pembangunan ekonomi negara.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Tuan Yang di-Pertua, apakah reaksi rakyat kita, khususnya dari golongan iatelektual dan juga reaksi dari negara-negara sahabat kita terhadap Wawasan 2020 kita ini?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama mengenai reaksi di dalam negeri, saya percaya semua kita telah menyaksikan bahawa semua menerimanya dengan begitu memuaskan.

Mengenai reaksi jiran-jiran kita, mereka pun tidak ada menampakkan reaksi yang negatif mengenai Wawasan kita ini.

**Tuaa Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah keistimewaan yang akan didapati oleh pegawai-pegawai Kerajaan kerana beliau ini hanya membuat kerja untuk menghadapi Wawasan 2020. Apakah keistimewaan kepada pegawai-pegawai Kerajaan?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Sebagai rakyat Malaysia, kalau negara kita dapat dibentuk sebagai sebuah negara yang maju, mereka pun mendapat nikmat yang diaikmati dari kejayaan itu juga. Dan semua kita sama-sama menyambutnya dengan baik.

Dari segi keistimewaan lain, Kerajaan melalui SSB telahpun mereka satu dasar gaji baru yang diharap dapat mengubahsui dan dapat memberi satu galakan yang baik kepada pegawai-pegawai Kerajaan supaya mereka dapat sama-sama menyumbangkan kepada pencapaian matamat Wawasan 2020.

**TAYANGAN GAMBAR HINDI - SASARAN PENONTON**

**3. Tuan C. Krishnan** minta Menteri Penerangan menyatakan bahawa kaum Telegu dan Malayalam merupakan hampir 20% daripada masyarakat India sedangkan orang-orang yang boleh bertutur bahasa Hindi adalah kurang daripada 1%. Oleh yang demikian, adakah cadangan daripada Kementerian Penerangan untuk mengagihkan separuh masa untuk tayangan gambar Hindi dipinda untuk gambar Telegu dan Malayalam.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini Kementerian Penerangan tidak bercadang untuk mengagihkan masa yang disarankan untuk siaran gambar-gambar Hindi untuk siaran rancangan-rancangan bangsa suku kaum India. Ini adalah kerana siaran rancangan-rancangan slot bahasa Tamil pada umumnya, dapat difahamkan oleh semua kaum India yang berada di Malaysia. Dengan adanya siaran-siaran dalam satu bahasa, ianya akan mengukuhkan semangat persefahaman dan mengeratkan hubungan kaum India di Malaysia,

Tuan Yang di-Pertua, tayangan gambar-gambar Hindi akan diteruskan kerana ia bukan sahaja dinikmati oleh kaum India tetapi juga oleh kaum-kaum lain di Malaysia.

Selain daripada itu, masyarakat India di Malaysia ini boleh juga menonton program-program dan tayangan-tayangan gambar dalam bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan lain-lain bahasa.

**BAS/LORI/KERETA/MOTOSIKAL - KESKLAMATAN PENGGUNA**

4. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilangan **bas**, lori, kereta dan motosikal yang berdaftar di seluruh negara sehingga Jun tahun ini; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang menghadkan cempoh kegunaan kenderaan itu (misalnya, 10 tahun ke atas) demi menjaga keselamatan pengguna jalan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti**

**Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan **bas**, lori, kereta dan motosikal yang berdaftar sehingga Jun tahun ini adalah seperti berikut:

Bas	-	26,502
Lori	-	389,555
Kereta persendirian	-	1,881,095
Taksi dan kereta sewa	-	36,229
Motosikal	-	3,142,723

- (b) Saya ingin memaklumkan bahawa pada ketika ini pihak Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk menghadkan tempoh kegunaan kenderaan lama, misalnya tidak melebihi 10 tahun. Soal sama ada keadaan sesebuah kenderaan boleh diguna, serviceable, dengan izin, atau ada dalam keadaan mekanikal yang baik dan, selamat bagi digunakan di jalan raya ada bergantung kepada penyelenggaraan dan bukannya kepada umur kenderaan itu.

Mengikut perangkaan kemalangan jalan raya yang dikeluarkan oleh pihak Polis, hanya 31 sahaja kemalangan di jalan raya berlaku akibat daripada faktor mekanikal.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut kajian Kementerian, kerapnya kemalangan adalah kerana banyaknya kenderaan di jalan raya ataupun kerana kurang saiz jalan yang ada sekarang ini?

**Datin Paduka Hajah Zalefaa binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan keuda-duanya sekali kerana semakin hari kenderaan semakin banyak didaftarkan dan ini kita rasa adalah disebabkan perkembangan dan kemajuan ekonomi negara. Di samping itu, jalanraya sebenarnya tidak begitu menjadi masalah kerana banyak jalan-jalan kita ini sudah pun dijadikan lebuhraya dan tidak lama lagi akan lengkaplah Lebuhraya Utara-Selatan. Jadi, yang banyak sekali menjadi faktor menyebabkan keraalangan ialah kecuaiian manusia. Lebih 90% daripada kemalangan adalah akibat kecuaiian manusia.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedarkah Kementerian. Pengangkutan bahawa beberapa lori dan treler di estet-estet itu tidak didaftarkan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan? Apabila satu-satu kemalangan berlaku, beberapa orang baru-baru ini mengalami cedera dan berlaku kematian, apakah tindakan Kementerian bercadang untuk mengelakkan estet-estet ini cuai daripada mendaftar ini?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya lori-lorikah, trelerkah, apakah lori hantu dan sebagainya kalau dalam kawasan kerjanya, dia boleh berputar-putar dalam kawasan itu. Tidak digazetkan sebagai jalan raya dan lebuh raya tetapi dia tidak boleh keluar ke jalan raya. Dia menyeberang jalan raya pun. Kalau ada penguatkuasaan, dia boleh disaman.

**Tuan Ho Cheng Wang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan (a) yang disebutkan oleh Timbalan Menteri,, adakah bilangan ini termasuk kenderaan-kenderaan yang condemned?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya termasuk semua jenis kenderaan yang telah didaftarkan sejak awal lagi sehingga tarikh yang saya sebutkan tadi **itu**. Kerana kenderaan-kenderaan yang condemned ini pun kadang-kadang tuannya tidak beritahu ia telah condemned. Jadi, itu sebabnya ia masih ada lagilah bilangannya itu dalam senarai kita.

**SKIM SIJIL SIMPANAN PREMIUM - HADIAH**

5. **Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pembeli-pembeli Sijil Premium dari Bank Simpanan Nasional (BSN) mahukan hadiah-hadiah yang dicabut tiap-tiap 20 hari sekali itu atau kerana kelebihan wang untuk simpanan yang selamat. Jika tujuannya kerana hadiah-hadiah adakah Kementerian bercadang menambahkan lagi hadiah-hadiah berbentuk wang supaya dapat menarik lebih ramai lagi pembeli Sijil Premium ini supaya lebih kutipan wang ini boleh digunakan untuk membangunkan negara.

**Tuan Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Partua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, skim Sijil Simpanan Premium adalah di antara skim-skim simpanan yang telah diwujudkan oleh Bank Simpanan Nasional. Skim ini telah diperkenalkan pada 1 Januari 1978. Kesemua skim simpanan Bank Simpanan adalah dijamin oleh Kerajaan. Perbezaan di antara skim-skim ini ialah hanya dari ganjarannya sahaja. Dengan demikian, terpulanglah kepada penyimpan-penyimpan untuk memilih yang mana satu skim yang mereka minati.

Skim Sijil Simpanan Premium diperkenalkan untuk menarik lebih banyak lagi simpanan daripada orang ramai terutamanya penyimpan-penyimpan kecil. Di bawah skim ini orang ramai boleh membeli sijil-sijil simpanan premium di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional dengan cara mudah. Sijil-sijil bernilai \$10 seunit akan dikeluarkan di atas nama pembeli-pembeli.

Tuan Yang di-Pertua, sambutan baik dari kalangan orang ramai terhadap skim ini adalah berasaskan kepada berbagai faktor termasuk unsur jaminan simpanan oleh Kerajaan, ganjaran yang diterima serta usaha pemasaran oleh Bank Simpanan Nasional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cabutan-cabutan Sijil Simpanan Premium diadakan 10 kali setahun iaitu 9 kali setahun bagi cabutan premium dan sekali tahun bagi cabutan bonanza dan bukan tiap-tiap 20 hari sekali seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Bagi setiap cabutan premium itu sebanyak 167 hadiah bernilai \$117,560 disediakan. Manakala bagi setiap cabutan bonanza yang diadakan sekali setahun 313 hadiah bernilai \$267,000 disediakan. Setakat bulan Oktober tahun ini, skim ini berjaya menarik seramai 469,700 orang penyimpan dengan simpanan berjumlah sebanyak kira-kira \$58.3 juta.

Buat masa ini, Bank Simpanan Nasional tidak bercadang untuk menambahkan hadiah-hadiah yang berbentuk wang tunai. Hadiah-hadiah yang ditawarkan buat masa ini adalah dalam bentuk barangan dan mengikut sambutan orang ramai terhadap skim ini ianya didapati memadai. Walau bagaimanapun, Bank Simpanan Nasional sentiasa mengkaji skim ini dari masa ke semasa.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membuat soalan tambahan, saya minta izin untuk menegur jam di dinding kita ini tidak tepat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah di atas jawapan Setiausaha Parlimen tadi dan saya mengakui memang ramai orang yang menerima di atas Sijil Premium **ini**. Cuma saya hendak tanya adakah Sijil Premium ini haram di sisi Islam?

Yang kedua, oleh kerana kita ini adalah sebuah negara yang mempunyai Kerajaan yang berlainan fatwanya, saya hendak tahu sama ada sudahkah Kerajaan Kelantan di bawah pimpinan PAS membuat fatwa mengenai Sijil Premium ini? Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat.

**Tuan Mustapa bin Mohaned:** Tuan Yang di-Pertua, Bank Simpanan Nasional telah merujuk perkara Sijil Premium ini kepada Jabatan Perdana Menteri iaitu Bahagian Hal Ehwal Islam dan mengikut keputusan yang dibuat oleh Panel Kajian Syariah, Bahagian Hal Ehwal Islam dalam mesyuaratnya yang baru lalu, keputusan sudah dibuat bahawa skim Sijil Simpanan Premium yang dikendalikan oleh Bank Simpanan Nasional adalah harus menurut syarak.

Yang keduanya, berkaitan dengan sama ada parti PAS telahpun membuat fatwa mengenai perkara ini dan saya belum dengar lagi tatwa tetepi memandangkan parti PAS sudah banyak membuat fatwa, maka bolehlah kita anjurkan parti PAS membuat fatwa mengenai perkara ini.

#### TANAMAN NANAS - MEMPERLUAS KAWASAN

6. **Tuan Neo Tuan Cheng** minta Menteri Perusahaan Ucama menyatakan adakah Kerajaan bercadang memperluaskan canaraan nanas raemandangkan pasaran nanas di luar negeri kian bertambah besar dan nanas tempatan telah tidak mencukupi.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Haji Tengku Mahmud bia Tengku Mansur]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan meraang berharap agar tanaman nanas diperluaskan terutama di kawasan tanah gambut

yang tidak sesuai untuk tanaman komersial yang lain. Buat masa ini pengeluaran buah nanas khususnya untuk dikaling tertumpu di aegeri Johor Darul Takzim dan kajian sedang dijalankan bagi menentukan kesesuaian membuka kawasan baru tanaman nanas serta menumbuhkan kilang pengalng nanas di lain-lain negeri,

Dalam tahun 1990 terdapat sejumlah 10,600 hektar iaitu 5,600 hektar atau 52.81 tanaman nanas oleh pekebun-pekebun kecil dan 5,000 hektar atau 47.22 yang diusahakan menerusi estet. Kesemua ladang nanas tersebut telah menghasilkan nanas kalif sebanyak 163,275 tan metrik iaitu 31,200 tan metrik atau 191 dari sektor pekebun kecil dan 137,000 tan metrik atau 81% dari sektor estet;

Kementerian Perusahaan Utama berhasrat untuk berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang mempunyai tanah gambut yang sesuai untuk dibuka bagi menambahkan lagi keluaran tanaman nanas negara terutama di negeri Johor, Sarawak, Terengganu dan lain-lain negeri.

#### AKHBAR "THE ROCKET" - PENGEDARAN

7. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan perkembangan terakhir berhubung dengan tindakan Kementerian Dalam Negeri terhadap penjualan majalah "Rocket" kepada yang bukan ahli DAP. Adakah Kementerian Dalam Negeri sedar setengah-setengah artikel dalam majalah tersebut bertujuan tidak jujur, memecahkan perpaduan rakyat dan boleh menjejaskan imej negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Partua, Kementerian Dalam Negeri telah

menasihatkan pekedai-pekedai yang biasa menjual majalah "Rocket" kerana majalah tersebut adalah untuk ahli-ahli parti DAP sahaja. Pihak DAP juga telah diberi nasihat supaya menghadkan pengedaran majalah lidah rasmi mereka itu kepada anggota-anggota parti sahaja dan mereka hendaklah juga mematuhi syarat-syarat permit penerbitan. Kementerian sentiasa mengkaji isi kandungan setiap kaluaran akhbar "The Rocket" seperti juga dengan penerbitan-penerbitan yang lain. Kementerian akan bertindak mengikut lunas undang-undang jika isi kandungan akhbar tersebut didapati bercanggah dengan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan 1987).

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut undang-undang kita siapakah yang bersalah di dalam masalah ini, penjual di kedai buku ataupun DAP sebagai penerbit?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya seseorang penerbit itu tidak menerbitkan sesuatu mengikut syarat-syarat yang telah diberikan, maka penerbit itu bersalah. Kalau sekiranya penjual itu tahu sebenarnya sesuatu majalah yang tidak mengikut syarat itu masih dijual, maka penjual itu pun bersalah. Dalam hal ini kedua-dua bersalah.

**Tuan Ng Peug Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhorraat Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, adakah beliau sedar bahawa selain daripada kedai-kedai, ada

setengah-setengah orang perseorangan telah menjual majalah "Rocket" ini dari rumah ke rumah, Kalau sekiranya Kementerian sedar, oleh kerana mereka telah bercanggah dengan permit penerbitan majalah ini, adakah Kementarian bercadang hendak menarik balik dan membatalkan permit tarsebut?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri memang sedar dan sentiasa berwaspada terhadap mereka yang menjual majalah walaupun tidak mengikut syarat. Oleh sebab itu, baru-baru ini pihak DAP telah diberikan surat amaran supaya jangan berbuat demikian dan kita terus mengambil berat tentang perkara **ini**. Jika sekiranya amaran itu tidak dihiraukan, maka Kementarian akan mengambil langkah-langkah mengikut undang-undang yang diperuntukkan di bawah Akta Penerbitan.

#### PROJEK PERTANIAN - 'PAKEJ INSENTIF'

**8. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Menteri Pertanian menyatakan bahawa Kementerian ini juga ada mempunyai beberapa projek tertentu dan adakah pihak Kementerian telah menentukan beberapa projek untuk diberi kepada pemohon TPU yang telah dikenalpasti untuk diberi projek.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian tidak mempunyai peruntukan di bawah TPU olah kerana Tabung berkenaan

diwujudkan untuk menyelamatkan projek-projek dalam sektor pembinaan dan pembuatan. Namun begitu, bagi sektor pertanian terdapat projek-projek di mana "package insentive" disediakan di samping sokongan khidmat teknikal dan pengurusan untuk membantu mempertingkatkan tahap sosio-ekonomi petani, penternak dan nelayan.

Di antara projek dan program yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian adalah seperti Program Ladang Bimbangan, Program Pembangunan Keluarga Tani, Program Labah Madu dan Program Latihan. Peruntukan untuk projek-projek yang saya sebutkan tadi di bawah RM6 adalah sebanyak \$600,000.

#### **INDUSTRI PERTAHANAN TEMPATAN (MDIC) - MEMAJUKAN**

**9. Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai oleh "Malaysian Defence Industries Council" setelah pengwujudan "Council" itu diisytiharkan beberapa tahun yang lalu.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysian Defence Industries Council (MDIC) telah ditubuhkan pada 20hb Mac 1990 dan kini sebanyak 18 buah syarikat yang ada kaitan dengan industri pertahanan tempatan telah menganggotai Majlis ini. Langkah-langkah sedang diambil untuk menambah keahlian di dalam Majlis ini. Selain daripada mengadakan mesyuarat-mesyuarat dari masa ke semasa bagi merangka strategi dan program tindakan ke arah industri pertahanan, MDIC telah juga mengadakan satu dialog dengan Kementerian Pertahanan pada 14hb Mei 1991 bagi membincangkan strategi dan tindakan-tindakan susulan yang perlu diambil bagi memajukan industri pertahanan tempatan.

Untuk memperkenalkan aktiviti Majlis ini kepada umum, sebanyak 9 buah syarikat yang menganggotai Majlis ini telah mengambil bahagian di dalam satu pameran barang-barang mereka sewaktu diadakan pembukaan rasmi dan pusat pameran peralatan pertahanan di Kementerian Pertahanan pada 18hb Mac, 1991. Majlis ini juga menggalakkan ahlinya untuk menyertai pameran-pameran antarabangsa seperti Singapura Aerospace Exhibition, LIMA 1991 dan DDA 92 yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada bulan April, 1992. MDIC telah juga mengambil bahagian di dalam mesyuarat jawatankuasa kerja mengenai kerjasama bidang industri pertahanan di antara Malaysia dengan Korea yang diadakan di Kuala Lumpur mulai 25hb hingga 30hb Oktober, 1991.

**Jen. Tan Sri (B) Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:**

Tuan yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh atau tidak Yang Berhormat memberi bayangan projek-projek yang diprioritaskan di dalam Council ini? Seterusnya adakah mencukupi fund yang dihadkan untuk melanjutkan priority projek-projek itu?

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, dalam industri pertahanan ini terutamanya di antara MDIC dengan KDIA iaitu daripada Korea, kita ada mengenalpasti iaitu ada lima jenis keluaran yang boleh diadakan secara usaha sama seperti helmet, Korean Infantry Fighting Vehicle dan juga dua tiga lagi jenis yang belum ditentukan atau belum dipastikan dan keputusan sama ada kita boleh mengeluarkan bahati-bahan ini adalah tertakluk kepada perbincangan selanjutnya di antara kedua-dua badan ini.

Tentang fund ataupun peruntukan, sebenarnya Kerajaan secara langsung tidak mengadakan satu peruntukan yang khusus untuk kita mengadakan industri pertahanan. Walau bagaimanapun, kita menggalakkan sama ada badan berkanun ataupun syarikat swasta mengeluarkan bahan-bahan pertahanan secara usaha sama ataupun secara persendirian yang mana kita tahu pasarannya tidaklah begitu di negara kita ini. Jadi, oleh itu terpulanglah kepada kajian, jika menguntungkan, kita boleh meneruskan pengeluaran bahan-bahan dalam industri pertahanan ini.

#### MAJLIS PERINGATAN MEMALI

**10. Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap PAS mengadakan Majlis Peringatau Memali, walaupun Majlis Agama dan Polis tidak membenarkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Polis telah menerima dua laporan kejadian perhimpunan pada 26hb November, 1991 dan 27hb November, 1991 di Kampung Memali. Kedua-dua laporan tersebut sedang disiasat oleh pihak Polis sebelum apa-apa tindakan lanjut diambil seterusnya.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya kurang faham pasukan Polis, sedangkan majlis peringatan itu adalah merupakan majlis yang tidak harus dilakukan dalam agama Islam kita. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, kenapa Polis tidak bertindak mengikut undaag-undang yang sebenar, kenapa masih lagi dalam penyiasatan? Dan kalau kita membenarkan PAS mengadakan peringatan Memali, saya percaya Polis pun patut mengadakan hari peringatan kepada 4 orang Polis yang mati pada hari itu. Jadi, saya minta Polis kena bertindak sesuatu. Kalau jawapan cara macam ini, ini adalah suatu jawapan yang longgar. Ini bermakna kita tidak mempunyai satu undang-undang yang tegas. Jadi, saya mahu tahu daripada Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat bagi pihak Polis akan mengambil satu tindakan yang tegas dan akan terus tidak membenarkan lagi peringatan ini berlaku pada masa-masa akan datang.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, seperti-mana saya jawab tadi bahawa pihak Polis sedang membuat siasatan mengenai dengan perkara ini dan tindakan akan diambil selepas siasatan ini siap nanti.

#### TAYAR KERETA MOTOR - HARGA

**11. Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berhubung dengan harga tayar kereta-kereta motor:

- (a) mengapakah harga tayar kereta di Malaysia ini lebih mahal daripada negara jiran iaitu Singapura, sedangkan getah bahan utama membuat tayar itu ada di negara ini; dan

- (b) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan sekiranya kereta-kereta dari Malaysia ini pergi ke Singapura dengan empat tayar tidak baik, tetapi apabila balik ke Malaysia semula semua empat tayar kereta itu ditukar baru di Singapura.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan S. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) walaupun getah asli ada dikeluarkan di negara ini, ia hanyalah merupakan salah satu daripada beberapa bahan-bahan komponen yang digunakan untuk membuat tayar. Bahan-bahan komponen lain yang diperlukan ialah getah tiruan, carbon black, tekstil, bead wire dan bahan-bahan kimia. Hampir keseluruhan daripada bahan-bahan mentah ini kecuali carbon black dan getah asli tidak dikeluarkan di dalam negara dan perlu diimport. Dari segi nilai pula, getah asli hanya menyumbangkan kira-kira 25% sahaja dari keseluruhan kos bahan-bahan komponen untuk membuat tayar dan peranannya di dalam menentukan harga tayar adalah amat kecil.

Singapura adalah merupakan pelabuhan bebas dan kedudukannya sebagai pusat entrepot di rantau ini menjadikannya sebagai tumpuan pasaran

bagi kebanyakan jenis barangan di dunia termasuklah tayar. Pada umumnya, untuk menerokai pasaran antarabangsa, para pekilang perlu menyediakan harga yang lebih bersaing kerana langkah ini merupakan suatu strategi pemasaran dan fenomena biasa di dalam perdagangan antarabangsa hari ini.

- (b) Pengimportan tayar ke negara ini tertakluk kepada cukai seperti berikut:
- (1) cukai import atas kadar 30% atas nilai ataupun \$4.30 sekilogram, yang mana lebih tinggi;
  - (2) cukai jualan atas kadar 10%. Tayar-tayar buatan tempatan dijual di pasaran tempatan tertakluk kepada cukai berikut:
    - (i) cukai eksais atas kadar 22 sen sekilogram tertakluk kepada minima \$2.20 dan maksima \$11 setiap satu tayar;
    - (ii) cukai jualan atas kadar 10%, tayar-tayar buatan tempatan yang dieksport ke Singapura adalah dikecualikan daripada cukai eksais dan cukai jualan. Harga jualan tayar di negara Singapura adalah di luar kawalan Jabatan Kastam. Kereta

dari Malaysia yang menukar tayar di Singapura apabila balik semula ke Malaysia hendaklah mengikrarkantayar-tayar tersebut kepada pihak Kastam di pintu masuk untuk taksiran dan kutipan cukai. Duti import yang dikenakan adalah 30% atas nilai atau \$4.80 sekilogram yang mana lebih tinggi. Di samping itu dikenakan juga cukai jualan sebanyak 10% atas jumlah nilai dan duti import. Sekiranya tayar-tayar ini tidak diikrarkan, pemandu telah melakukan kesalahan cuba mengelakkan cukai Kastam di bawah Seksyen 135 (LG) Akta Kastam 1967. Kesalahan ini boleh dikenakan kompaun tidak melebihi \$5,000 atau di bawa ke Mahkamah.

#### KERETAPI TANAH MELAYU - PENSWASTAAN

12. Tuan Ho Cheng Wang minta Menteri Pengangkutan,
- (a) bilakah KTM akan diswastakan;
  - (b) setelah KTM diswastakan, adakah sewa tanah KTM seperti untuk tujuan pertanian, perumahan dan gedung akan dinaikkan; dan
  - (c) kadar dinaikkan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan telah mengambil keputusan untuk mensyarikatkan KTM, dengan izin, korporotise. Ini bererti KTM akan ditukar menjadi sebuah syarikat yang pada mulanya akan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia, apabila syarikat ini mampu menunjukkan rekod keuntungan yang baik, barulah Kerajaan akan mempertimbangkannya untuk diswastakan. Pada masa ini segala persiapan berjalan lancar bapi membolehkan KTM disyarikatkan dalam tahun 1992.

Jawapan (b) dan (c) Sewa harta tanah adalah berasaskan kepada sewa pasaran. Oleh itu, soal sama ada kadar sewa akan dinaikkan selepas penswastaaan KTM tidak timbul pada masa ini.

**FELCRA - KELUASAN TANAH**

**13. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:—

- (a) berapa jumlah keluasan tanah yang telah dibangunkan oleh FELCRA sejak FELCRA ditubuhkan mengikut negeri-negeri;
- (b) apakah tanaman utama yang dimajukan oleh FELCRA dan tahap pencapaian pendapatan peserta yang terlibat; dan
- (c) jumlah peserta yang terlibat mengikut negeri-negeri.

**Setiausaha Parlimen. Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Dato Mohamed bin Jamrah]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a), jumlah keluasan tanah yang telah dibangunkan oleh FELCRA sejak FELCRA ditubuhkan sehingga 30 Jun 1991 ialah 250,884 hektar.

Soalan (b), tanaman utama yang dimajukan oleh FELCRA ialah kelapa sawit, getah dan padi. Had pencapaian pendapatan peserta adalah bergantung kepada harga komoditi dan tahap pengeluaran hasil. Bagi tanaman kelapa sawit, pendapatan bulanan peserta hasil dari upah kerja dan dividen daripada keuntungan Rancangan adalah dalam lingkungan \$440.00 sementara bagi tanaman getah sebanyak

\$400.00 dan padi sebanyak \$460.00. Namun begitu, pada masa kemuncak pengeluaran hasil ada peserta-peserta yang bekerja, mampu memperolehi peudapatan melebihi \$1,000.00 sebulan.

Bagi jawapan (c), jumlah peserta yang terlibat di dalam projek pembangunan FELCRA ialah 99,728 orang dan pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	BILANGAN PESERTA
Johor	12,114
Melaka	3,265
Negeri Sembilan	8,390
Selangor	4,896
Perak	18,891
Kedah	6,825
Perlis	1,422
Pulau Pinang	514
Terengganu	9,465
Pahang	24,114
Kelantan	7,667
Sarawak	2,045
	=====
JUMLAH	99,728 orang
	=====

**WORKERS MINIMUM STANDARDS OF HOUSING AND AMENITIES ACT 1990**

**14. Puan Rosalind Yau Shuk** Meng minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sejauh manakah Akta baru "Workers Minimum Standards of Housing and Amenities Act 1990" berkesan untuk memperbaiki mempertingkatkan tahap mutu perumahan dan kemudahan asas di ladang. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian terhadap ladang-ladang yang tidak mematuhi keperluan Akta tersebut.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Dewan yang mulia ini maklum, Akta baru iaitu Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja tahun 1990, digubal untuk menggantikan Akta Piawaian Minimum Perumahan Pekerjaan tahun 1966 dan Kanun-kanun Buruh Semenanjung Malaysia. Akta baru ini dikuatkuasakan pada 1hb Disember 1990.

Di bawah Akta baru ini, majikan-majikan ladang diwajibkan menyediakan kemudahan-kemudahan yang lebih selesa dan sempurna seperti perumahan pekerja yang mempunyai sekurang-kurangnya dua bilik tidur, bekalan air dari sumber awam, bekalan elektrik, pusat asuhan kanak-kanak, klinik dan sebagainya.

Dengan pelaksanaan peruntukan-peruntukan Akta baru ini, Kementerian Sumber Manusia yakin kualiti hidup di sektor perladangan akan dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mempunyai, dengan izin, firm commitment untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan asas di sektor perladangan. Dalam Laporan Rangka Rancangan Jangka Panjang yang Kedua dari tahun 1991 hingga 2000 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini, Kerajaan telah menegaskan bahawa ia akan melaksanakan strategi-strategi khusus untuk memperbaiki kemudahan perumahan,

kesihatan, pendidikan dan sosial untuk mempertingkatkan kualiti hidup penduduk-penduduk di ladang.

Kerajaan juga akan mengambil langkah-langkah pentadbiran yang sesuai ke arah menjayakan pelaksanaan Akta Standard-standard Perumahan Pekerja tahun 1990. Sebagai langkah pertama, satu kajian soalselidik dijalankan oleh Jabatan Buruh untuk mendapat data-data berkenaan dengan keadaan di ladang-ladang. Pegawai-pegawai Buruh telah melawat tiap-tiap ladang untuk mengumpul data ini. Dari tinjauan Jabatan Buruh, Kementerian Sumber Manusia mendapat tahu bahawa sebanyak 31,686 buah rumah perlu diganti baru dan hanya 462 buah ladang atau 29% ada menyediakan bekalan air dari sumber awam. Selain dari itu, hanya 797 buah estet atau 51% membekalkan elektrik Dari sumber Tenaga Nasional. Maka dengan kajian ini, Kementerian Sumber Manusia dapat mengasingkan ladang-ladang mengikut kategori supaya ladang yang berkeadaan tidak baik boleh diberikan perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia memang tahu dan sedar bahawa peruntukan di bawah Akta baru ini memerlukan tnsa untuk pihak majikan melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawabnya. Kerajaan juga faham, majikan akan mengalami masalah jikalau Akta ini dikuatkuasakan serta merta. Maka, dengart mengambilkira situasi ini, Kementerian Sumber Manusia telah memutuskan dan berharap bahawa dalam tempoh 30 bulan mulai tahun 1992, majikan ladang akan memperbaiki bekalan air dan elektrik ke tahap yang dikehendaki oleh undang-undang.

Jabatan Buruh sedang merangka peraturan-peraturan untuk mengawal penapisan dan rawatan air yang diperolehi dari sumber persendirian supaya kualiti bekalan air di ladang-ladang dapat diperbaiki lagi. Kerajaan telahpun meluluskan Skim Perkongsian Kos supaya ladang kecil boleh dibantu dalam penyediaan bekalan air dan elektrik dari sumber awam ke rumah pekerja-pekerja. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos di Dewan Rakyat telah mengemukakan bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mengeluarkan peruntukan sebanyak \$20 juta untuk membekalkan elektrik ke ladang-ladang dalam peruntukan untuk tahun 1992. Ini mencerminkan kesungguhan usaha Kerajaan mempertingkatkan kemudahan hidup penduduk-penduduk ladang. Kementerian Sumber Manusia juga sedang merangka satu Plan Induk Pembangunan untuk menggantikan 31,686 unit rumah yang bolah dikatakan di bawah tahap yang tidak memuaskan.

Yang Berhormat Dato' Menteri Sumber Manusia tidak lama lagi akan mengemukakan Pelan Induk ini. Selain dari itu, saya juga ingin memberitahu bahawa Kementerian Sumber Manusia telah memperuntukkan wang sebanyak \$500,000 atau \$½ juta untuk membeli alat-alat kelengkapan bagi pusat asuhan kanak-kanak di ladang-ladang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah jujur untuk mengubah nasib pekerja-pekerja di sektor ladang dan merayu kepada semua pihak majikan untuk mempertingkatkan taraf kehidupan pekerja-pekerja. Masa yang berpatutan akan diberi tetapi tindakan yang tegas juga

akan diambil terhadap majikan yang degil dalam perkara ini. Setakat ini, seorang majikan ladang telah didakwa di mahkamah.

Pada 10hb Oktober 1991, Ladang St. Andrew, Batang Berjuntai, Selangor Darul Ehsan telah didakwa di mahkamah kerana gagal menyalurkan air paip dari sumber awam ke rumah pekerja seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 6(1)(a) Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja tahun 1990. Majikan didapati bersalah dan didenda sebanyak \$1,800 dan juga denda harian sebanyak \$100 sehari bagi kesalahan yang seterusnya.

Tindakan seumpama ini akan terus diambil terhadap majikan yang tidak menunjukkan sikap positif dan bekerjasama dalam usaha memperbaiki mutu hidup pekerja-pekerja di sektor ladang. Pegawai-pegawai Buruh di seluruh negara telah diarah untuk mengenal-pasti majikan-majikan yang degil supaya tindakan mahkamah boleh diambil ke atasnya.

Akhir sekali., saya boleh kata dengan yakin bahawa Akta baru ini adalah lebih berkesan kalau berbanding dengan akta-akta yang lalu. Dengan tindakan tegas dan firm commitment, dengan izin, kualiti hidup penduduk-penduduk di ladang akan dipertingkatkan. Dengan Pelan Induk yang akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Menteri Sumber Manusia, saya percaya kualiti hidup di ladang akan dipertingkatkan setaraf dengan kampung-kampung.

**LABUAN - GALAKAN PELABURAN ASING**

**15. Tuan Isli bin Haji Sipat** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada Majlis Perbandaran Labuan sehingga 1990;
- (b) apakah bentuk pelaburan yang telah dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Labuan; dan
- (c) apakah peranan yang akan dan telah dimainkan oleh Majlis Perbandaran Labuan bagi menggalakkan pelaburan asing sejajar dengan taraf Labuan sebagai IOFC.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato Drs. Suleiman bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa peruntukan yang telah disalurkan kepada Majlis Perbandaran Labuan (MPL) sejak Labuan menjadi Wilayah Persekutuan ialah \$8,302,067. Jumlah tersebut merupakan pemberian secara langsung atau direct grant daripada Kerajaan Persekutuan.

Selain daripada pemberian secara langsung, Kerajaan Persekutuan juga ada memberikan kemudahan pinjaman sebanyak \$69,059,000 pada tahun 1986 untuk membiayai pelaksanaan projek-projek pembangunan di Labuan. Dari segi pelaburan, MPL telahpun melaksanakan beberapa projek pembangunan sejak tahun 1981 lagi. Antara projek-projek utama ialah projek perumahan Batu Arang, Taman Perumahan Layang-Layangan, Gudang Sagu King, Showroom untuk kereta dan perabot kedai Layang-layangan. MPL merupakan Pihak Berkuasa Tempatan untuk Wilayah Persekutuan Labuan. Sesuai dengan peranan tersebut, Majlis ini berfungsi sebagai fasilitator pembangunan dengan menggalakkan

perkembangan projek-projek pembangunan menyokong IOFC. MPL juga dipertanggungjawabkan untuk memajukan beberapa projek menyokong IOFC antara lain:

- (1) meningkatkan sistem dan kemudahan perparitan dan lain-lain kemudahan infrastruktur di Pusat Bandar Labuan;
- (2) pengindahan pusat bandar Labuan dan Laluan Protokol K.K. Abdullah;
- (3) penempatan semula setinggan-setinggan dari Pusat Bandar Labuan ke kawasan lain yang telah dikenalpasti;
- (4) Pembinaan pasaraya dan lain-lain kemudahan berkaitan;
- (5) sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan, MPL juga menjalankan perkhidmatan pengutipan sampah saraf, melaksanakan kerja pembersihan, penempatan dan menyusun gerai-gerai dan penjaja-penjaja serta memeriksa kebersihan premis-premis perniagaan dan makanan dalam usaha meningkatkan imej Labuan setanding dengan pusat-pusat kewangan yang lain; dan
- (6) peranan MPL pada masa hadapan dijangka tidak berubah tetapi tahap dan komitmen akan bertambah terutamanya dalam aspek-aspek perkhidmatan bandar, pengindahan dan perancangan tempatan atau local planning.

#### PEGAWAI KERAJAAN - TATATERTIB

**16. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Perdana Menteri menyatakan kenapakah akhir-akhir ini terdapat pegawai-pegawai Kerajaan yang sepatutnya mempunyai amanah dan disiplin telah menyeleweng dalam tugas-tugas mereka. Apakah tindakan-tindakan yang diambil bagi mengatasi supaya perkara-perkara negatif itu tidak berulang lagi.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, buat makluman Yang Berhormat, bilangan pegawai Kerajaan yang terlibat melakukan penyelewangan adalah cukup kecil jumlahnya. Mengikut perangkaan daripada tahun 1986 hingga 1990, bilangan pegawai-pegawai awam Persekutan yang dikenakan tindakan tatatertib atas berbagai kesalahan adalah kurang daripada 0.3% daripada jumlah keseluruhan pegawai-pegawai awam.

Walaupun bilangan pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat itu kecil, Kerajaan sentiasa menjalankan pelbagai tindakan untuk mengatasi gejala-gejala negatif itu, seperti meningkafkan kesedaran mengenai aspek tatatertib kepada pegawai-pegawai awam, menyedarkan Ketua-ketua Jabatan tentang tanggungjawab mereka menyelia dan mengawal disiplin kakitangan bawahan, menyediakan khidmat kaunseling dan juga menganjurkan kempen mewujudkan budaya kerja cemerlang di dalam perkhidmatan awam.

#### PROGRAM TV - KEBERKESANAN

**17. Tuan Azman Atar bin Othman** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada kajian akan dibuat terhadap penonton- penonton TV tentang keberkesanan positif terhadap mental mereka setelah menonton TV saban hari; dan jika belum, bila rancangan ini dapat diadakan.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan meraang ada menjalankan penyelidikan atau kajian melalui cawangan penyelidikannya dari masa ke semasa terhadap program dan aktiviti-aktiviti penyiaran dengan memberi keutamaan kepada keberkesanan program-program tersebut terhadap rakyat.

Dengan adanya kajian-kajian seperti ini ia membolehkan Kementerian mendapat maklumat dan maklum balas dari rakyat untuk tujuan penilaian dan perancangan program dan aktiviti Kementerian dari masa ke semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keberkesanan positif terhadap mental penonton adalah sesuatu yang berupa abstrak dan sukar untuk diukur. Keberkesanan serupa itu bukanlah disebabkan hanya sekadar menonton televisyen atau mendengar radio semata-mata ataupun membaca akhbar, malahan ia melibatkan berbagai-bagai saluran, unsur dan pengamh lain yang meliputi semua jenis media komunikasi, asas tahap pendidikan, ilmu pengetahuan, kesedaran, masyarakat persekitaran (environment) dan sikap atau minat penonton itu sendiri.

#### PERTUBOHAN BELIA 4B - KEMAJUAN

**13. Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berhubung dengan kedudukan Belia 4B dan lain-lain Pertubuhan Belia di negara ini:

- (a) adakah perhubungan di antara Belia 4B dan Pertubuhan Belia-belie yang lain di negara ini telah bersatu dan bekerjasama dengan baikny; dan
- (b) jika tidak mengapa boleh terjadi hal yang tidak menguntungkan negara dan belia-belie itu sendiri sedangkan pihak Kerajaan berharap sangat di atas kemajuan belia-belie di negara ini dalam semua aspek kehidupan.

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Haji Annuar bin Musa]:** Tuan Yang di-Pertua, perhubungan pertubuhan Belia 4B dengan pertubuhan-pertubuhan lain adalah berjalan seperti biasa dan pertubuhan Belia 4B adalah badan gabungan kepada Majlis Belia Malaysia di peringkat Kebangsaan dan Majlis Belia Negeri-negeri di peringkat negeri-negeri. Sebenarnya masalah yang berlaku dalam Pertubuhan Belia 4B adalah kerana masalah-masalah yang ditimbulkan oleh pemimpin—pemimpin tertentu dalam badan itu sahaja, tetapi perjalanan pertubuhan Belia 4B secara keseluruhannya di semua peringkat adalah berjalan seperti biasa.

**Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Majlis Belia membuat sesuatu untuk memperbaiki keadaan perjalanan 4B itu?

**Tuan Haji Annuar bin Musa:** Saya fikir masalah tidak berbangkit lagi pada masa ini, 4B majoritinya telah memilih Yang Berhormat Dato' Tajol Rosli sebagai Pengerusinya dan saya percaya kegiatannya boleh berjalan lancar seperti sediakala.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, sebab timbulnya kecoh ialah berpunca daripada Pengerusi 4B dahulu, dia hendak jadi pengerusi seumur hidup. Itu yang sebenarnya. Kami belum berapa jelas dengan jawapan Yang Berhormat tadi, saya hendak lagi jelas, mengapa terjadi kecoh dalam 4B?

Yang kedua, pemimpin 4B yang mana satu yang benar-benar diiktiraf oleh Kementerian Yang Berhormat sendiri pada masa sekarang? Dan apakah Kementerian akan bantu 4B? Ini yang saya hendak tahu dan saya hendak dengar Menterinya sendiri jawab.

**Tuan Haji Annuar bin Musa:** Ada orang beritahu pada saya kerana bekas pemimpin 4B dahulu diserang oleh penyakit "2S" - dia "syok sendiri" sehinggakan apabila sembilan buah negeri tidak tenerima pimpinannya, tetapi dielak-elakkan daripada mengadakan mesyuarat agung dan sebagainya. Jadi sekarang masalah itu telah selesai. Dari segi Kementerian, kita mengiktiraf 4B yang dipimpin oleh Yang Yang Berhormat Dato' Tajol Rosli kerana 4B di bawah pimpinan Yang Berhormat Dato' Tajol Rosli telahpun datang ke Kementerian, berunding, menjelaskan kedudukan dan kita juga telah menyepak dengan Pejabat Belia di negeri-negeri tentang sokongan majoriti diberikan kepada yang mana satu. Daripada penyelidikan Kementerian,

ternyata sembilan buah negeri 4Bnya adalah menyokong pimpinan yang baru dan juga pimpinan yang baru telahpun membuat penjelasan, dan permohonan khusus kepada Kementerian. Kementerian tidak teragak-agak akan memberikan bantuan kepada 4B pimpinan Yang Berhormat Dato' Tajol Rosli, malah saya telah meluluskan \$30,000 untuk perbelanjaan asas. **[Tepuk]**

#### JABATAN PERKHIDMATAN POS - PENSWASTAAN

**19. Tuan Saad bin Haji Man** di bawah S.O.23(2) minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan tentang sejauh manakah penswastaan Jabatan Pos akan dapat mengurangkan perbelanjaan Kerajaan dan meningkatkan keberkesanan perkhidmatan berkenaan serta:

- (a) sejauh mana telah diselesaikan masalah skim gaji kesemua kumpulan pegawai dan kakitangan Jabatan berkenaan apabila diswastakan;
- (b) bilakah jangka pulangan sepenuhnya pelaburan Kerajaan apabila penswastaan mengambil tempat kelak;
- (c) berapakah jangkaan pulangan pelaburan dalam tempoh 5 tahun pertama dan purata pulangan tahunan pada tahun kewangan berikutnya; dan
- (d) bilakah dijangka saham Pos Malaysia akan disenaraikan di BSKL dan berapa peratuskah dari keseluruhan peruntukan saham akan diagihkan di kalangan pegawai dan kakitangan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan memperbadankan Jabatan Perkhidmatan Pos, Kerajaan akan dapat mengurangkan beban perbelanjaannya dari segi pembayaran gaji, elaun, perbelanjaan, pembangunan dan bayaran-bayaran lain bagi menyediakan dan mengadakan perkhidmatan pos. Bagi tahun 1990 jumlah perbelanjaan Jabatan Perkhidmatan Pos ialah sebanyak \$201.35 juta. Bagi memastikan keberkesanan Perkhidmatan Pos, Kerajaan melalui Badan Kawalselia Perkhidmatan Pos akan bertanggungjawab untuk memastikan Pos

Malaysia Berhad melaksana dan mematuhi syarat-syarat di dalam pemberian lesen untuk menyediakan perkhidmatan pos yang lebih baik kepada orang ramai. Di samping itu sebagai sebuah syarikat, Pos Malaysia Berhad akan diberikan kebebasan untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang baru dan cara untuk memberikan perkhidmatan juga akan diperbaiki.

Bagi menjawab soalan (a), pada masa ini semua kakitangan telah memulangkan kertas option masing-masing. Syarat dan terma perkhidmatan dalam Syarikat Pos Malaysia telah disertakan dengan kertas option ini.

Bagi menjawab soalan (b) dan (c), Kerajaan tidak mementingkan pulangan ke atas pelaburannya tetapi yang lebih penting ialah faedah yang dapat diperolehi daripada penswastan itu sendiri. Melalui penswastan, Kerajaan dapat mengurangkan beban kewangan, meningkatkan produktiviti dan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai.

Bagi menjawab soalan (d), jika prestasi kewangan syarikat bertambah baik, misalnya seperti Telekom Malaysia, maka dalam tempoh tiga tahun ia telah dapat disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

**Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan Jabatan Telekom dan Pos bahawa di Sabah, didapati surat-surat yang dikirimkan dari Semenanjung ke Sabah nampaknya berbulan-bulan baru sampai ke negeri Sabah. Apakah tindakan Kementerian tentang perkara ini?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana telah saya sebutkan tadi apabila Jabatan Pos telah diperbadankan sebagai Pos Malaysia Berhad kita akan mempertingkatkan lagi perkhidmatan pengiriman surat daripada Semenanjung ke Sabah. Dan di negeri Sabah sendiri saya difahamkan bahawa banyak penduduk-penduduk di Sabah yang minta supaya diadakan P.O. Box ataupun peti surat. Dan pada masa ini untuk mendapatkan khidmat peti surat ini begitu sukar sekali. Apabila Pos Malaysia telah diperbadankan nanti, kita akan memperbanyakkan lagi peti-peti surat di negeri Sabah dan sekiranya ini tidak dapat dilaksanakan oleh Pos Malaysia Berhad kemungkinan besar peti-peti surat untuk negeri Sabah ini akan diswastakan.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin mengucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya iaitu mengenai saingan di antara pos dan courier services ini. Setakat manakah courier services yang membawa parcel dan surat-surat ini menjejaskan perusahaan pos ini?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa apabila Jabatan Pos telah diperbadankan nanti adalah menjadi tanggungjawab pengurusan Pos Malaysia untuk mempertingkatkan lagi prestasi dan perkhidmatan mereka kepada orang ramai dan saya merasakan bahawa persaingan ini akan merupakan satu persaingan yang baik dan saya hanya berharap agar Pos Malaysia akan dapat menyaingi syarikat-syarikat courier yang lain kerana daripada segi rantaian mereka mempunyai pejabat-pejabat di seluruh tanahair. Jadi, daripada segi perkhidmatan, mereka boleh memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat.

**SEKOLAH RENDAH PENDIDIKAN KHAS, KUANTAN, PAHANG**

**20. Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Pendidikan menyatakan berdasarkan kepada keadaan sekarang adalah difahamkan terdapat seramai 80 orang murid yang belajar di Sekolah Rendah Pendidikan Khas, Kuantan, Pahang Darul Makmur, Sekolah ini mempunyai 3 kelas; manakala pelajar yang berasrama adalah seramai 25 orang iaitu 15 lelaki dan 10 perempuan. Sekolah ini menggunakan bangunan Sekolah Rendah Kebangsaan Sultan Abdullah sejak ia ditubuhkan dan kawasan sekolah ini sering dilanda banjir kilat apabila hujan lebat. Bangunan di mana pelajar ditempatkan itu adalah terlalu kecil dan sukar menyediakan kemudahan asas untuk kegunaan mereka. Bagaimanakah perkembangan masa ini tentang Sekolah Rendah Pendidikan Khas, Kuantan berunsurkan kepada:-

- (a) bilakah bangunan baru yang dijanjikan bertempat di Bandar Indera Mahkota, Kuantan akan siap dibina dan lengkap dengan peralatan/kemudahan yang diperlukah itu; dan
- (b) bilakah kata dikotakan mengenai pembekalan bas sekolah ke sekolah khas itu.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Micheal Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telahpun mengenalpasti dan mendapat tapak untuk bangunan berkenaan bersebelahan dengan bangunan sekolah rendah yang sedang dalam pembinaan di Bandar Indera Mahkota, Kuantan. Projek pembinaan bangunan Sekolah Rendah Pendidikan Khas telah dirancang di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan merupakan projek keutamaan. Reka bentuk sekolah tersebut akan menitikberatkan keperluan akoustik dan dilengkapi dengan peralatan teknologi pendidikan khas bagi menjamin pencapaian proses pengajaran dan pembelajaran khas untuk

murid-murid kepada satu tahap yang lebih tinggi dan berkualiti. Pembinaannya dijangka akan dimulakan bila-bila masa sahaja setelah proses-proses awal selesai seperti mengukur tanah dan penyediaan pelan tata atur bangunan.

- (b) Bas berkenaan telahpun dipesan dan penghantarannya ke sekolah itu akan dibuat oleh pembekal sebaik sahaja kerja-kerja mengubahsuai selesai tidak lama lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa satu jam untuk soalan sudah cukup. Sekarang kita terus pergi ke perkara yang kedua.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No 21 hingga 52 akan dimasukkan dalam naskah bercetak kelak.]**

**RANG UNDANG-UNDANG****CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LUAR PESISIR LABUAN (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [18hb Disember, 1991]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput menyambung ucapannya.

3.34 ptg.

**Tuan Isli bin Haji Siput:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya merakamkan ribuan terima kasih untuk menyambung ucapan perbahasan saya mengenai suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990, setelah Labuan diisytiharkan sebagai IOFC.

Bila mana diisytiharkan oleh Menteri Kewangan pada ketika itu, ramai terdapat dari kalangan orang-orang kampung, ramai terdapat dari kalangan peniaga-peniaga kecil merasa bimbang dan ragu di atas pengisytiharan ini kerana sebelum atau sesudahnya berjaya IOFC itu sendiri iaitu pusat kewangan luar pesisir antarabangsa.

Saya merasa kagum dan juga mengalu-alukan ke atas Akta ini yang mana satu Akta baru ini bagi memudahkan dan juga daya penarik kepada pelabur-pelabur asing yang akan datang ke Pulau Labuan bukan hanya daripada segi pelaburan daripada bank-bank, insurans dan sebagainya tetapi terdapat juga pelaburan-pelaburan yang lebih bermakna kepada rakyat.

Bila saya sebutkan tadi bahawa terdapat ramai di kalangan para penduduk di Pulau Labuan merasa bimbang dan ragu tetapi setelah beberapa bulan atau setahun selepas diisytiharkan, ternyata sekali bahawa dengan hikmat, rahmat dan nikmat telahpun didapati oleh sebilangan daripada rakyat di Pulau Labuan. Dengan pengisytiharan itu sahaja, sebagai contohnya ialah oleh kerana harga-harga tanah pada hari ini telahpun meningkat lebih daripada 300%. Memang banyak terdapat di antara yang punya tanah yang berlebihan telahpun menjual tanahnya kepada orang asing. Terutamanya yang paling banyak sekali membeli tanah daripada penduduk-penduduk di Pulau Labuan ialah daripada Taiwan, daripada Hong Kong, daripada Singapura, dan saya rasa sebilangan kecil sahaja daripada jiran tatangga kita iaitu daripada Brunei Darussalam.

Tetapi saya merasakan bahawa itu bukanlah salah satu kejayaan pusat kewangan atau pesisir antarabangsa. Yang membimbangkan kita sedangkan Pulau Labuan adalah satu pulau yang kecil sahaja sedangkan tanah-tanah yang ada di Pulau Labuan tidak ramai orang-orang kita yang memilikinya. Dari hari ke hari, dari masa ke masa maka tanah-tanah yang dimiliki oleh penduduk asal dari Labuan akan kehilangan tanah. Saya tidak percaya bahawa ini adalah satu motif Kerajaan untuk menjayakan IOFC. Memang terdapat daripada Menteri, memang terdapat daripada pemimpin-pemimpin tempatan dan juga pemimpin nasional agar tidak menggalakkan orang punya tanah menjual dengan begitu cepat sekali. Tetapi yang lebih berhak ialah yang punya tanah itu sendiri.

Terutama dalam keadaan ekonomi meleset, kerana setiap orang akan mengikut giliran zaman dan juga perubahan masa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan ini, sudah tentu kita akan dapat menggalakkan para pelabur-pelabur asing ke Pulau Labuan. Saya rasa Labuan adalah salah satu pulau yang bertuah setelah ianya diisytiharkan menjadi Wilayah Persekutuan. Satu tempat yang betul-betul strategik bagi pelabur-petabur asing. Maka Kerajaan telah memilih Pulau Labuan menjadi Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa.

Baru-baru ini atas usaha dan juga daya usaha Kerajaan di bawah Kementerian Kewangan yang patut diberi kepujian oleh kerana begitu gigih, begitu menitikberatkan ke atas Pulau Labuan dan mempamer serta memasarkan Labuan di luar negeri seperti di Hong Kong, Jepun dan juga Taiwan, kalau saya tidak silap. Walaupun demikian, saya rasa banyak rombongan Kementerian telah pergi dan kita pada hari ini telahpun mendapat feed back yang positif dan negatif. Walaupun ada di antara rombongan itu yang tidak pernah datang ke Labuan. Apakah bentuk Pulau Labuan, apakah yang ada di Pulau Labuan? Apakah kita sudah bersedia, umpamanya, kalau seorang nelayan - apakah yang harus seorang nelayan siapkan sebelum dia ke laut? Kalau seorang pilot, apakah yang harus disediakan sebelum dia terbang?

Apatah lagi menjadikan Labuan IOFC memanglah satu perkara yang lebih besar daripada kita memberikan suatu perkara yang lebih bermakna. Pada hari ini apakah Kerajaan sudah benar-benar bersedia, apakah Kerajaan sudah cukup menyediakan satu daripada perkara sebelum kita mendarat iaitu sebelum para pelabur datang ke Pulau Labuan. Sebenarnya kita harus bersedia lebih awal dan kita tidak mahu menggambarkan apa yang tidak ada dan kita harus gambarkan apa yang **ada**. Seperti - walaupun pada hari ini dan saat ini terminal telahpun diubahsuai - apakah dengan pengubahsuaian terminal ini sudah cukup untuk menarik pelabur asing dan dengan keadaan yang panas?

Sepatutnya setandinganlah dengan taraf IOFC itu sendiri iaitu mestilah berhawa dingin walaupun terminal itu kecil tetapi keselesaan penumpang dan juga para pelancong. Ini adalah amat penting sekali. Saya belum bercerita dan menerangkan lagi manakala selepas sahaja Menteri Kewangan dan rombongan melawat ke Hong Kong dan kemudian sebulan selepas itu saya telah menyusul dengan usaha dan perbelanjaan saya sendiri dan saya tidak pernah pun dijemput untuk bersama.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mencapai kejayaan IOFC di Labuan, banyak perkara-perkara yang harus kita sediakan. Lapanganterbang haruslah diperpanjangkan. Telekomunikasi haruslah diperbaiki dari

masa ke semasa. Bot hendaklah dilengkapi dengan satu bot yang sophisticated, kalau boleh. Jalanraya juga harus dipertingkatkan, diup-gredkan supaya ia sesuai dengan taraf IOFC. Bukan itu sahaja, masih banyak perkara-perkara lain yang harus kita libatkan seperti Kementerian Pelancongan juga harus mengambil dan menitikberatkan dalam soal IOFC kerana ia sealiran, kerana yang datang di antaranya adalah orang-orang asing. Bila mana IOFC berjaya di Labuan, apakah rakyat tempatan, khususnya orang-orang Labuan, berjaya atau tidak, demi untuk sama-sama mencapai satu kejayaan yang cemerlang. Kerajaan hendaklah menitikberatkan juga dari mengutamakan ke atas pembangunan orang tempatan itu sendiri. Ini juga adalah satu perkara yang amat penting kerana ada empat perkara yang telah disebutkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan. Antara perkara yang penting ialah supaya kestabilan politik itu sendiri.

Kalaulah kita tinjau daripada negara-negara yang sudah menjadi tax-haven (IOFC), kebanyakannya, manakala kita mencapai sesuatu kejayaan dalam bentuk IOFC ramai pula orang tempatan telah berhijrah dari satu tempat ke tempat yang lain. Kenapa? Apakah sebab orang-orang tempatan itu sendiri terpaksa berpindah daripada satu tempat ke tempat yang lain ataupun berhijrah ke negeri-negeri yang lain? Antara sebabnya ialah oleh kerana harta telahpun melambung tinggi. Kerana tidak mampu lagi untuk membeli rumah, kerana tidak mampu lagi untuk membeli tanah, kerana harga tanah kalau 10 tahun dahulu hanya kurang-lebih \$1,000 seekar, ataupun \$10,000 seekar, tetapi sekarang sudah meningkat ratusan ribu seekar.

Kalau sekiranya ekonomi orang-orang tempatan tidak setara dan tidak seiring dengan kejayaan IOFC **ini**, saya tidak hairanlah banyak, di antara penduduk tempatan yang akan berhijrah.

Tuan Yang di-Pertua, maka timbullah soal sama ada politik kita stabil atau tidak. Maka timbullah persoalan sama ada kepuasan rakyat setempat itu wujud atau tidak. Sedangkan saya percaya bahawa masih ada rakyat Malaysia yang belum kenal dengan Labuan ataupun di dalam Dewan ini ada di antaranya yang belum pernah datang ke Labuan pun. Sedangkan kita harus memasarkan, kita harus market dan mencari pasaran yang begitu luas di negara-negara luar. Tujuan kita ialah untuk menggalakkan supaya pelabur-pelabur asing datang ke pulau Labuan. Selain daripada itu, memang terdapat pelabur-pelabur asing yang berminat tetapi ada di antaranya yang masih menunggu dan lihat.

Sebulan selepas rombongan Menteri Kewangan ke Hongkong dan saya dengan seorang rakan saya juga telah pergi ke sana selepas itu dan bertemu beberapa orang di Hongkong, di Kowloon dan juga di Macau dengan tujuan yang sama, tetapi secara perseorangan. Yang sebenarnya saya memang ada membuat suatu temujanji dengan seorang Ahli Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay tetapi miscommunication, dengan izin, tak dapat berjumpa dengan seorang Ahli Yang Berhormat di Taiwan. Tetapi walaupun demikian, saya telah mampu membawa selepas itu lebih daripada 20 orang usahawan daripada Hongkong yang mana

saya telahpun menggalakkan supaya mereka melabur di Pulau Labuan untuk membina sekurang-kurangnya 1,500 unit rumah murah;

Walaupun demikian, sambutan pada hari itu amatlah menggalakkan. Tetapi tiga bulan kemudian saya telahpun mendapat feedback daripada rombongan itu mengatakan bahawa masih banyak kekurangan-kekurangan kita yang terdapat di Pulau Labuan - masih banyak kekurangan-kekurangan - walaupun dalam ertikata pasarannya memang ada bagi orang tempatan. Inilah satu perkara yang cukup jelas, yang cukup dengan telitinya. Mereka datang seramai 20 orang iaitu terdiri daripada pelabur yang sudah memang membangun, yang pernah membangun dan sedang membangun di negaranya sendiri. Bukan mereka tidak punya minat, bukan mereka tidak punya hasrat untuk membangun dan bersama-sama berada di Malaysia terutama sekali mereka telah memilih Labuan tetapi masih dalam keadaan tunggu dan lihat.

Saya juga mengundang salah seorang daripada Korea bersama dengan rakan saya, salah seorang usahawan Malaysia yang memang terkenal, yang memang tahu bukan hanya dari segi pembangunan, tetapi dari segi trading. Manakala mereka datang ke Pulau Labuan apa yang dapat kita berikan dan apa yang dapat kita berikan layanan kepada mereka, sedangkan hotel pada hari ini hanya hotel Labuan sahaja yang boleh dikatakan ada standard iaitu tiga star. Inilah satu perkara atau perkara-perkara yang amat penting kita harus bersedia.

Sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa kalau seorang nelayan hendak ke laut, dia perlu sediakan perahunya, dia perlu sediakan pukot kalau dia memukat, dia perlu sediakan pancing kalau dia memancing. Tetapi manakala kita menjemput orang dari

negara-negara yang sudah membangun datang ke Pulau Labuan, entah apa yang patut dilihat. Walaupun Labuan itu dikelilingi oleh lautan, pantainya boleh dikatakan cantik tetapi masih belum terpelihara.

Maka perkara-perkara ini adalah suatu persoalan asas yang patut diambilkira oleh Kerajaan, yang patut diambilkira oleh Kementerian. Kalau peruntukan tidak cukup untuk menjayakan perkara ini hendaklah diberikan peruntukan yang lebih kerana kuasa ada di tangan Kerajaan. Saya tidak hairanlah, sampai suatu ketika nanti, kerana untuk menjayakan IOFC ini bukanlah dalam suatu masa yang singkat, ia akan memakan masa yang lebih panjang. Tetapi kalau sekiranya kita dapat menjayakan IOFC ini dalam masa yang singkat, bermakna ini adalah suatu kejayaan yang cemerlang bagi Kerajaan dan negara kita. Tetapi mestilah kejayaan ini seimbang dan selari dengan orang-orang tempatan dan lebih senanglah bahawa kalau saya mengatakan orang tempatan bukanlah khusus kepada rakyat di Pulau Labuan tetapi termasuklah rakyat kita di Malaysia ini yang mana patut bersama-sama mengambil peluang ini dalam ertikata membangun bersama dan kita juga memerlukan di samping kejayaan IOFC, di samping kejayaan Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa ini, kita mestilah mempunyai industri-industri sampingan supaya menggalakkan lebih ramai pekerja-pekerja akan datang ke Labuan.

Kalau di tanah besar Semenanjung ini factory-factory ataupun industri-industri sukar mendapatkan para pekerja, tetapi di Labuan kalau ada satu kerja kosong, tidak kurang beribu yang datang meminta, entah siapa yang patut dipilih. Oleh kerana tidak ada, kemudahan walaupun setelah berapa lama

Labuan diisytiharkan sebagai IOFC, mungkin kita tidak nampaklah kegiatan. yang telah dimainkan oleh pihak luar pesisir, yang hanya nampak pada hari ini terdapat para penduduk di Pulau Labuan berhijrah dari satu tempat ke satu tempat untuk mencari pekerjaan. Ini juga perlu difikirkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menarik dan membawa sekurang-kurangnya industri-industri sampingan ini.

Setiausaha Parlimen dalam ucapannya kelmarin mengatakan bahawa penduduk di Pulau Labuan hanya 40,000 sahaja. Saya rasa sekarang sudah kurang dari 40,000. Tetapi dengan adanya industri-industri sampingan untuk kejayaan IOFC **ini**, dalam masa yang singkat 40,000 boleh dijadikan 80,000 kerana ramai juga rakyat yang berada di Sabah tidak mempunyai pekerjaan, banyak yang menganggur. Kalau sekiranya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dapat menggalakkan para pelabur asing, membawa industri-industri ke Labuan sudah tentu pertumbuhan, perkembangan dan pertambahan penduduk di Pulau Labuan akan bertambah dan tidak punya masalah untuk membangun Pulau Labuan dan tidak punya masalah untuk menjual rumah bagi pemaju-pemaju yang akan datang. Tetapi masalah yang dihadapi sekarang, apakah para pemaju sekarang sudah bersedia untuk membangun, sedangkan orang-orang tempatan tidak punya pendapatan yang lumayan. Selain daripada yang sudah bekerja, mereka terpaksa pergi ke laut untuk mencari makan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam niat baik Kerajaan untuk menjadikan dan sesudah terjadi bahawa Labuan sebagai IOFC dan saya harap juga bahawa para Mentari-menteri dan Kementarian-kementarian yang ada hubungkaitnya, hendaklah sama-sama menitikberatkan bagi kejayaan IOFC. Kejayaan Labuan ini bukan bermakna salah satu kejayaan rakyat

Labuan. Tetapi ianya juga bermakna kejayaan negara kita terutama sekali para pemimpin-pemimpin agung kita itu sendiri. Inilah saya fikir satu-satunya IOFC di negara kita sendiri dan saya yakin dan percaya sampai masanya bahawa Yang Berhormat Senator Ng juga akan dapat membawa para pelabur asing daripada Taiwan kerana saya yakin bahawa beliau memang kerap sekali ke Taiwan, setahun dua belas bulan, tetapi bila saya nampak daripada komputer MAS itu, saya nampak lebih kurang 18 kali ataupun 20 kali dia pergi ke Taiwan tiap-tiap tahun, bermakna tidak kurang setiap bulan sekali. Itulah sebabnya bahawa Yang Berhormat Ng ini dapat membawa banyak factory-factory dan industri-industri ke Melaka. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Ng. Inilah di antara orang-orang yang perlu walaupun perkara-perkara itu hendaklah diteliti lebih awal. Walaupun perkara-perkara serupa ini adalah menjadi satu perkara yang asas, satu perkara yang patut dititikberatkan bagi kepentingan bersama. Kalau kita lihat daripada segi bayaran, kalau kita lihat

daripada segi keistimewaan, Akta ini telahpun menunjukkan bahawa pelabur asing telahpun mendapat keistimewaan. Apakah pelabur-pelabur tempatan juga akan mendapat keistimewaan sekurang-kurangnya kalau tidak 3% daripada segi cukai, apakah pelabur-pelabur tempatan kita juga akan diberikan keistimewaan? Kalau ianya terjadi, kalau ianya boleh dilaksanakan, kalau ianya menjadi kenyataan, maka saya yakin dan percaya bahawa ramailah pengusaha-pengusaha dan juga pelabur-pelabur tempatan yang akan melabur di Pulau Labuan. Kalau-lah kita fikir, kalau-lah kita buat satu penelitian secara am, Pulau yang begitu kecil sekali, kalau kita bandingkan dengan Singapura, lebih kurang sahaja, tetapi di Singapura susah untuk kita melihat hutan-hutannya, tidak ada hutan lagi, sudah habis semuanya. Sedangkan Labuan lebih kecil daripada Singapura. Maka sudah tentulah dengan semangat yang ada pada Kerajaan dan juga yang ada pada pemimpin-pemimpin kita untuk, membangunkan Labuan, maka ia akan setanding dengan Singapura dan juga setanding dengan Hong Kong. Kalau saya tidak silap dahulu, tetapi kira masih bernasib baik, kita masih lagi berpeluang untuk membangunkan Labuan. Sejarah telah menentukannya, manakala dalam pemerintahan kolonial, hampir-hampir Labuan dipilih menjadikan Hong Kong di satu ketika dahulu, tetapi malangnya bahawa para penduduk dan juga di sekitar Pulau Labuan tidaklah seramai seperti China, maka British telah mengambil dan juga memilih Hong Kong sebagai pusat perdagangan antarabangsa.

Tetapi cita-cita rakyat kita telahpun tercapai pada hari ini, tetapi perlulah sokongan moral dan juga material daripada semua lapisan masyarakat kerana yang akan membangun Labuan ialah orang kita sendiri iaitu orang tempatan itu sendiri yang akan membangun Labuan terlebih dahulu sebelum orang luar membangun tempat kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, setelah keistimewaan kita berikan kepada pelabur-pelabur asing, dan saya harap bahawa Kementerian-kementerian berkenaan hendaklah menyebarkan seluas-luasnya di negara-negara luar dan perlunya juga seperti iklan-iklan hendaklah diperluaskan bukan hanya di negara luar, tetapi juga iklan-iklan hendaklah disebarkan melalui RTM supaya rakyat kita juga akan mengenali lebih dekat lagi Pulau Labuan itu sendiri.

Dan juga perlunya Kementerian Perdagangan dan Kementerian-kementerian yang lain, seperti Kementerian Pelancongan hendaklah menitikberatkan kerana semua aspek dalam Kementerian ini perlu dipertingkatkan daripada masa ke semasa berkenaan dengan kejayaan Labuan untuk IOFC.

Banyak perkara-perkara yang harus kita fikirkan sekarang. Kalau sekiranya kedatangan orang-orang asing dalam membuat feasibility study, dengan izin, di Pulau Labuan, sedangkan yang datang hendak melabur berjuta-juta ringgit, tetapi kita tidak punya satu restoran yang besar. Kita tidak punya satu chalet yang boleh menarik pelabur asing. Kalau sekiranya ada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh penswasta ataupun pelabur-pelabur; hendaklah diambil kira untuk dipertimbangkan.

Kementerian Pertanian juga harus mengambil inisiatif, tetapi walau bagaimanapun, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertanian kerana dapat juga dan turut bersama-sama membina ataupun memperbaiki Pulau Papan sebagai tempat pelancongan. Tetapi tidak cukup, saya rasa setakat itu, kita perlukan bahawa perancangan Kementerian ini hendaklah berbentuk komersil supaya adanya dibuat chalet-chalet jangan ala kadar sahaja, tetapi hendaklah dibuat dan direkabentuk yang boleh menarik para pelancong dan juga para pelabur asing.

Tuan Yang di-Pertua, bilamana soalan saya berkenaan dengan bidang kuasa Majlis Perbandaran, jawapannya begitu mudah sekali. Di samping itu juga, bahawa satu lembaga iaitu Labuan Development Authority hendaklah diwujudkan. Apakah tidak ada percanggahan kuasa di antara Kerajaan Tempatan di bawah Majlis Perbandaran atau tidak, siapakah yang lebih berkuasa, Kerajaan Tempatan ataupun Labuan Development Authority? Siapakah yang punya bidang kuasa, siapakah yang punya executive power dalam soal pembangunan ini?

Saya suka mencadangkan juga di sini agar sekiranya kuasa-kuasa tertentu diberikan kepada Labuan Development Authority ini hendaklah sekurang-kurangnya ada terdiri daripada pemimpin-pemimpin dari Labuan itu sendiri yang akan menjadi ahli jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini, pada saat ini dan pada jam ini, kalau saya tidak silap, ada satu perjumpaan mungkin tidak diketahui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana mesej ini saya telah tetima jam 10.00 pagi tadi. Ada satu perjumpaan berkenaan dengan cara-cara mereka, sama ada menghalang ataupun memberikan sokongan ke atas kejayaan IOFC. Satu perjumpaan berada di Labuan Hotel yang mana mereka mempersoalkan bagaimanakah cara Kerajaan mengambalalih bangunan yang ada sekarang ini, iaitu bangunan itu diberi nama kalau saya tidak silap, Island Club. Satu bangunan yang diberi nama Island Club yang mana Kerajaan mengambalalih dan mungkin ada satu petisyen yang dibuat. Ini juga salah satu ciri-ciri untuk menggagalkan IOFC dan yang bertindak ini ialah para penduduk di Pulau Labuan. Ini juga harus diambilkira. Ini juga perkara-perkara yang penting bagi kejayaan IOFC ini. Saya tidak tahu dengan secara

detailnya apa yang telah dibincangkan pada hari ini tetapi yang penting ialah biarlah hendak mengambil sesuatu itu dalam bentuk per-sefahaman dan juga perundingan supaya ianya tidak akan berbangkit. Walaupun bidang-bidang kuasa itu ada pada kita, tetapi mesej yang akan sampai ke luar negeri itu, mungkin pandangannya bukan positif tetapi negatif. Banyak perkara-perkara mungkin yang akan dipersoalkan di dalam perjumpaan ini kerana saya masih belum dapat mesej yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan agar pencapaian IOFC ini hendaklah setanding dengan negara-negara yang lain. Dengan pencapaian dan kejayaan ini dalam membangunkan Labuan, iaitu salah satu daripada yang telahpun sudah di ambang pintu ialah pusat kewangan yang mana akan dibina tidak berapa lama lagi hendaklah diberikan juga peluang terutama sekali kepada penduduk-penduduk tempatan, dalam erti kata sama-sama membangun dari sama-sama menikmati, sama-sama merasakan dalam kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, maka saya sudahlah dan sebelum saya berundur, saya bersetuju dan menyokong Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan (Pindaan). Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato Vadiveloo.

**4.28 ptg.**

**Dato' Vadiveloo a/l Govindasamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Semua Ahli-ahli Dewan ini sedia maklum bahawa inilah ucapan sulung saya. Oleh yang demikian, terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan saya dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Presiden MIC, Dato' Seri Samy Vellu atas perlantikan saya sebagai Ahli Dewan yang mulia ini.

Saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990.

Tuan Yang di-Pertua, pada 1hb Oktober 1990 Kerajaan telah mengisytiharkan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa atau, dengan izin, International Offshore Financial Centre (IOFC).

Kemajuan dan perkembangan Labuan IOFC setakat ini dari usaha-usaha Kerajaan sungguh menggalakkan dan memuaskan. Sehingga 30hb Oktober 1991 sebanyak 30 Syarikat Luar Pesisir telah didaftarkan dan beroperasi di Labuan. Syarikat-syarikat ini meliputi 3 buah bank, 3 syarikat harta, 10 syarikat pelaburan, 9 syarikat perdagangan, 1 syarikat perunding, 1 syarikat insurans dan 8 syarikat amanah.

Jumlah perniagaan yang dilaporkan diterima oleh bank-bank luar pesisir juga bertambah dari masa ke semasa. Dalam tempoh yang sama, jumlah simpanan dalam akaun-akaun wang asing, total foreign currency deposit account, dengan izin, berjumlah US\$341.2 juta berbanding dengan jumlah pinjaman luar pesisir yang diluluskan, total offshore loan approved oleh bank-bank tersebut berjumlah US\$380.2 juta. Ini menunjukkan bahawa Labuan mempunyai potensi untuk berkembang maju sebagai IOFC dan salah satu destinasi pelancongan negara yang berjaya serta boleh menarik pelabur-pelabur asing.

Pada mulanya apabila Kerajaan telah mengumumkan cadangannya untuk mewujudkan Labuan sebagai IOFC, sambutan beberapa pihak daripada industri kewangan adalah kurang baik. Sebahagian daripadanya telah merujuk kepada peta dunia untuk mengenalpasti di mana terletak Labuan. Di samping itu buah fikiran mewujudkan Labuan sebagai IOFC tersebut telah menjadi tidak viable kepada beberapa pihak, tetapi kini, kedudukannya telah membuktikan pihak yang

pesimis itu salah, sebaliknya telah menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mempunyai penglihatan dan pandangan jauh bagi mewujudkan Labuan sebagai IOFC yang penting di rantau Asia Pasifik.

Dalam menjadikan Labuan sebagai IOFC, ianya bukan merupakan satu perkara baru sahaja yang menjadi perakuan dan kebaikan yang positif, kebaikan yang lain akan timbul daripada mutu buah fikiran persepsi dan kesedaran yang berada di belakang inisiatif ini. IOFC adalah merupakan satu jawapan yang diwujudkan untuk pembangunan yang dipilih oleh negara Malaysia dan juga untuk menggalak perhubungan serantau dan antarabangsa.

Pengisytiharan Labuan sebagai IOFC juga telah menjadi satu dimensi baru kepada langkah membangunkan sistem kewangan negara apabila ekonomi negara terus menjadi moden dan menuju ke arah petindustrian selaras dengan Wawasan 2020. Ini telah menjadi satu langkah penting dalam usaha negara kita bagi menggalakkan eksport serta mengganti import perkhidmatan khususnya perkhidmatan profesional seperti urusan bank dan insurans. Potensi perkembangan dalam perkhidmatan seperti ini adalah sangat besar terutamanya di rantau Asia Pasifik dan Labuan perlu mengambil kesempatan mengenai keadaan tersebut dan perlu memainkan peranan penting dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai satu IOFC yang viable.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan oleh Menteri Kewangan di salah satu seminar baru-baru ini, dengan pengisytiharan Labuan sebagai IOFC, usaha-usaha untuk mengubah pulau tersebut kepada IOFC adalah satu pakej perundangan-perundangan penting yang melibatkan urusan bank luar pesisir, insurans dan aktiviti-aktiviti berkaitan insurans luar pesisir, pengurusan amanah dan tabung dan operasi pemegang pelaburan luar pesisir yang direkabentuk untuk menggalakkan perkembangan aktiviti kewangan. . Dengan tersedianya perundangan-perundangan berkaitan, Labuan adalah menjadi IOFC dunia terbaru yang menghubungkannya dengan IOFC-IOFC lain seperti Bahamas, Cook Island, Camen Island, The Isle of Men, Jersey, Anthelas dan lain-lain.

Kerajaan Persekutuan adalah committed untuk menjadikan Labuan sebagai pusat kewangan antarabangsa yang ternama dan berfungsi. Dalam hubungan ini Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah besar di bawah Rancangan Malaysia Keenam bagi berbagai projek pembangunan yang dikenalpasti untuk Labuan termasuk peruntukan bagi pembangunan projek-projek berkaitan dengan infrastruktur. Untuk kemajuan Labuan seterusnya, Kerajaan Persekutuan bercadang menubuhkan Lembaga Pembangunan Labuan bagi tujuan memaju, menggalak, memudah serta mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dan yang lebih tersusun sesuai dengan matlamat untuk membangunkannya sebagai IOFC yang berjaya. Bagi menarik minat pelabur asing melabur di Labuan IOFC, Lembaga Pembangunan Labuan perlu diwujudkan dengan segera supaya mempercepatkan pembangunan Labuan seperti diperlukan oleh pelabur asing.

Usaha-usaha membangunkan Labuan perlu dilaksanakan berterusan supaya ianya menjadi lebih menarik, bersaing dengan IOFC lain dan bertaraf antarabangsa. Saya ingin menegaskan bahawa pembangunan Labuan berterusan sebagai IOFC patut membawa faedah ekonomi yang positif khususnya kepada Labuan dan Malaysia amnya. Secara langsung Malaysia akan memperolehi hasil daripada beberapa bayaran manakala ekonomi Labuan akan menikmati faedah daripada perbelanjaan mengurus daripada urusan bank dan aktiviti-aktiviti Luar Pesisir yang berlainan.

Di sebahagian IOFC yang berjaya perbelanjaan tersebut boleh menjadi setinggi 8% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) Di samping itu Malaysia khususnya Labuan akan menikmati pembangunan ekonomi yang tinggi khasnya dari segi peluang pekerjaan. Dorongan aktiviti ekonomi berlainan serta menambah peluang kepada pasaran modal antarabangsa dan dapat meningkatkan kecekapan dalam sistem kewangan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan satu pakej yang cukup baik kepada para pelabur asing di Labuan melalui pengwujudan sekitaran pengawalan yang longgar dan struktur cukai yang memberangsangkan. Kerajaan adalah benar-benar committed dalam membangunkan Labuan sebagai IOFC yang berjaya. Struktur perundangan operasi Luar Pesisir telah direkabentuk untuk memberi

kawalan hanya ke atas perkara yang dirasakan perlu bagi menentukan keselamatan perjalanan Labuan, sebagai sebuah IOFC. Kerajaan telah membentuk insentif cukai yang sungguh menarik untuk syarikat Luar Pesisir di Labuan. Syarikat-syarikat Luar Pesisir boleh memilih samaada untuk membayar cukai sebanyak 3% dari keuntungan bersih atau membayar sejumlah cukai tetap \$20,000 kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Pindaan kepada LOBAT ini yang dicadangkan adalah untuk memberi satu pilihan tambahan kepada syarikat-syarikat luar pesisir untuk membayarnya sebagai satu bayaran kepada pihak berkuasa yang lain iaitu Pendaftar Syarikat dan ini tidak melibatkan apa-apa perbelanjaan tambahan kepada Kerajaan. Pindaan tersebut juga dapat menepati hasrat Kerajaan untuk mengadakan sistem perundangan bagi Labuan IOFC yang liberal dan menarik dengan tidak menjejaskan asas pengawalan dan pengawasannya. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa flexible dan responsive dalam memberi pertimbangan kepada masyarakat perniagaan dengan meminda Akta LOBAT supaya dapat menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur asing ke Labuan IOFC.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan ini adalah penting diingatkan bahawa ekonomi antarabangsa pada masa kini menunjukkan ciri-ciri dan suatu aliran yang tidak menggalakkan dan ini akan mengakibatkan kehilangan peluang dan peningkatan persaingan yang tidak adil. Di antaranya ialah dasarperlindungan, terutamanya oleh negara maju.

Pengwujudan blok perdagangan yang tertentu dan aktiviti ekonomis dunia yang semakin tertumpu hanya di negara maju. Sebaliknya sejak lima tahun yang lalu buat pertama kali perdagangan ke seberang Pasifik lebih daripada perdagangan ke seberang laut Atlantik. Pada masa kini ekonomi Barat mesti dan harus memandang

ke Timur kerana dengan inilah ekonomi dunia boleh digiatkan. Kami di Malaysia adalah di antara mereka yang berpeluang untuk memperolehi manfaat daripada era baru ini. Malaysia yang letak di kawasan Pasifik bertuah kerana pada penumpuan pertumbuhan di rantau ini adalah lebih pesat berbanding dengan mana-mana rantau lain di dunia. Ini adalah hasil penyesuaian struktur pelaburan dan perdagangan yang berterusan sejak awal 80an. Perubahan struktur ekonomi rantau ini telah membawa cadangan untuk menubuhkan satu bentuk kerjasama yang antara negara di Asia Pasifik.

Baru-baru ini Majlis Ekonomi Asia Timur adalah cadangan yang dibuat oleh Malaysia untuk meningkatkan dialog dan kerjasama ekonomi antara negara Asia Pasifik. Dalam konteks ini saya ingin memuji Kerajaan kerana telah mencadang dan mempelopori penubuhan majlis tersebut untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan di rantau Asia Timur.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa ketidakseimbangan di antara negeri Sabah dan Sarawak dengan negeri yang lebih maju di Semenanjung Malaysia telah menjadi satu masalah yang besar. Dalam usaha memperbetulkan ketidakseimbangan ini langkah yang diambil untuk mengisytiharkan Labuan sebagai sebuah wilayah bebas cukai dan langkah yang telah diambil untuk menggalakkan pelaburan dan untuk memajukan taraf dan mutu infrastruktur di Labuan adalah satu-satunya yang sangat membanggakan kita.

Saya berharap usaha-usaha promosi yang bersungguh-sungguh akan terus dijalankan untuk memasarkan Labuan sebagai IOFC di dalam dan di luar negeri. Saya juga berharap Kerajaan akan memastikan tahap

profesionalisme dan keyakinan yang tinggi terhadap perkhidmatan yang diberi dapat dikekalkan dan hanya peniaga bona fide dibenarkan di Labuan.

Satu perkara yang saya suka menekankan ialah mengenai jenayah perdagangan. Akhir-akhir ini jenayah perdagangan semakin menular dalam negeri kita dan juga luar negeri. Undang-undang yang ada tidak mencukupi untuk membanteras segala kegiatan jenayah perdagangan kerana ianya melibatkan penggunaan alat yang canggih dan sukar dikesan.

Sekiranya jenayah perdagangan berleluasa, maka rakyat dan negara akan rugi dan golongan peniaga tidak akan memberi kepercayaan kepada sistem pentadbiran kita, maka tindakan tegas hendaklah diambil untuk menghapuskannya. Jika tidak dibanteras ianya akan meninggalkan kesan negatif dan menggugat masa depan negara.

Saya difahamkan Kerajaan bercadang untuk membenarkan undang-undang seperti yang ada pada masa kini di United Kingdom diadakan di Labuan. Kita mesti mengingatkan bahawa undang-undang yang ada di United Kingdom tidak menghalang orang seperti Robert Maxwell yang membuat penyelewengan secara besar-besaran baru-baru ini. Oleh hal yang demikian, kita mesti mengkaji perkara ini lebih mendalam sebelum kita membenarkan undang-undang dari United Kingdom diadakan di Labuan.

Saya berharap tax haven ini tidak akan menjadi crooks haven pada masa hadapan. Kerajaan mesti memperkenalkan undang-undang untuk mengawal semua aktiviti perniagaan dalam Pulau Labuan dan menentukan hanya peniaga-peniaga dengan reputasi baik dan setanding dengan antarabangsa diberi peluang untuk berniaga di Labuan.

Pada hemat saya pemindaan yang dicadangkan adalah tepat dan kena pada masanya. Oleh hal yang demikian, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Rogayah.

**4.43 ptg.**

**Puan Hajah Rogayah binti Che Mat:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Suatu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 yang bertujuan memaju dan menggalakkan pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan, terutamanya sebagai pusat kewangan pesisir antarabangsa. Dengan mewujudkan Lembaga ini, bukan sahaja dapat mengemaskan peraturan dan perundangan pasaran kewangan, malahan pengawalan dan pengawasan yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Pusat Kewangan Luar Pesisir ini adalah satu langkah berani Kerajaan kerana dalam usaha meningkatkan ekonomi, operasi penggembelingan ini mestilah ditentukan dari segi operasi peringkat antarabangsa. Sekiranya tidak ada kawalan awalan yang berkesan khususnya pinjaman, syarat-syarat pinjaman yang boleh disalurkan kewangan itu tidak dihadkan kepada pinjaman untuk membangunkan infrastruktur dan untuk mengelakkan berlaku seperti satu masa dahulu sebuah bank di London misalnya yang telah ditutup kerana menyalurkan pinjaman untuk kegunaan membeli senjata bagi negara-negara Arab.

Wilayah Labuan adalah begitu strategik di perairan pesisiran antarabangsa dengan jarak jauh melalui udara dari Bandar Seri Begawan cuma 52.2 kilometer sahaja, Manila jauhnya 1,000 kilometer lebih, Kuala Lumpur 1,500 kilometer Singapura 1,300 kilometer,

Jakarta 1,500 kilometer, Bangkok 3,000 kilometer lebih, begitu juga Hong Kong, Taipei dan Tokyo yang mana akan menjadi satu kawasan yang strategik, dan operasi kewangan bebas ini sekiranya tidak dikawal dari segi security aspect, kita juga mesti mengambil kira apakah cara kewangan ini dapat dibuat supaya tidak ada peminjam-peminjam secara langsung atau tidak untuk membuat pinjaman. bagi memajukan bom nuklear di Laos misalnya, kerana di Asia sendiripun negara-negara di sekitar kita masih mempunyai pelampau-pelampau mereka sendiri.

Di Thailand misalnya, di Burma dan negara kita sendiri walaupun Parti Komunis Malaya sudah meletak senjata secara sah dan terbuka tetapi selalunya masih ada lagi suara sumbang dan tidak puas hati di kalangan rakyat. Sekiranya kebebasan operasi kewangan bebas ini tidak dikawal, kita seolah-olah menyediakan satu kawasan bagi mereka yang sentiasa mengintai untuk mengambil kesempatan menentang negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan terutamanya dari segi pembangunan infrastruktur dan pengurusan, masalah bayaran fee yang dikenakan sebanyak \$20,000 juga tidak mencukupi, sepatutnya bayaran fee mestilah dikenakan mengikut saiz company ataupun bank itu sendiri. Misalnya berapa besar paid-up capital bagi sesuatu bank atau company itu supaya operasi Pesisir Antarabangsa ini bukan sahaja boleh memanfaatkan negara dari segi peningkatan ekonomi, malahan modal asas yang kita keluarkan akan dapat pulangan dengan segera.

Sehubungan dengan operasi ini juga peluang kepada Badan-badan Berkanun dalam negeri yang mempunyai kemampuan untuk mengendalikan operasi kewangan ini adalah dicadangkan diberi kemudahan dan keutamaan. PNB misalnya perlu dipertimbangkan untuk sama-sama meneroka dan mengendalikan, bersatu dan berganding bahu di peringkat pengurusan kewangan antarabangsa. Kerana untuk memasuki pasaran kewangan di negara lain tentulah masih banyak masalah dan halangan yang perlu dihadapi dan sebagai tuan rumah keutamaan adalah perlu difikirkan untuk membela untung nasib warganegara dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pembangunan Labuan ini akan wujud dan insya Allah terus kekal beroperasi dan boleh menyumbangkan ke arah pembangunan manusia sejagat.

Saya menyokong dan mendoakan pembangunan dan kemajuan yang berkekalan melalui IOFC ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Rahim.

**4.49** ptg.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian untuk memberikan pandangan mengenai Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan tahun 1990.

Rang Undang-undang ini telah dibentangkan di Dewan yang mulia

ini oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan dan saya rasa adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk menyokongnya.

Sepertimana yang telahpun dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat peruntukan bagi takbolehkenaan cukai berkenaan dengan satu syarikat pesisir yang menjalankan satu aktiviti perniagaan luar pesisir yang mana aktiviti luar pesisir ini sekiranya dalam tahun taksiran itu syarikat berkenaan telahpun membayar satu fee berjumlah \$20,000 seperti yang ditentukan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana telah juga dijelaskan pada masa sekarang, syarikat luar pesisir dikenakan cukai sejumlah 3% dari keuntungan bersih yang dibuat oleh syarikat itu pada tahun yang berkenaan. Di bawah pindaan ini adalah dicadangkan syarikat berkenaan diberikan pilihan, iaitu syarikat berkenaan hanya dikenakan fee sebanyak \$20,000 dan ini bererti di bawah pindaan **ini**, pembayaran syarikat berkenaan dikecualikan daripada pembayaran sebarang cukai dan digantikan dengan bayaran fee sebanyak \$20,000.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui sejak Pulau Labuan diisytiharkan sebagai Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa, berbagai pihak telahpun menunjukkan minat untuk melabur di pulau ini. Dan juga sebagaimana yang kita ketahui, salah satu daripada ciri utama sebarang Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa ialah kadar cukai yang paling minimum dan sebaik-baiknya tiada cukai langsung. Di dalam dunia yang serba kompetitif ini dan memandangkan Labuan sebagai satu pusat yang baru yang perlu bersaing dengan Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa yang lain yang telahpun lama established, saya percaya fee \$20,000 yang dikenakan ini bukanlah dianggap sebagai cukai ataupun gantian sebahagian kepada cukai. Sebarang cukai yang dikenakan, walau berapa rendah ataupun apa dalam bentuk sekali pun akan tetap dianggap sebagai cukai dan anggapan ini boleh menjejaskan daya saing Labuan sebagai Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita ketahui yang telahpun dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan diulangi oleh sahabat saya, Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput daripada Labuan bahawa faktor utama yang menjayakan Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa ialah kestabilan politik, sistem kawalan tukaran wang asing yang paling minimum sistem bank yang kukuh dan dipelihara kerahsiaannya, infrastruktur dan sistem komunikasi yang baik. Saya percaya Labuan, khasnya Malaysia tentunya memiliki tempat-tempat ciri yang telahpun, dinyatakan di atas. Walau bagaimanapun, ruang untuk memperbaikinya tetap ada.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Pusat Kewangan Pesisir antarabangsa yang baru, tentunya banyak cabaran dan juga dugaan yang dihadapi oleh Labuan. Meski pun Labuan merupakan satu-satunya pusat seperti ini di rantau ini, kita jangan lupa juga bahawa kita juga menghadapi saingan daripada pusat-pusat kewangan yang lain seperti Singapura, Hong Kong, Taipeh dan juga lain-lainnya. Malah kita juga sedang menghadapi saingan daripada Pulau Batam yang sedang pun diusahakan oleh pihak Indonesia bersama-sama dengan Singapura dan ada kemungkinannya pulau ini juga satu hari akan menjadi pusat kewangan pesisir antarabangsa yang baru dan kita mestilah mengambil ingat tentang keadaan ini. Oleh yang demikian, Labuan perlu menghadapi persaingan ini dengan gigih dan saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan kerana telahpun menubuhkan Lembaga Pembangunan Labuan atau, dengan izin. Labuan Development Authority yang mana

ianya dipengerusikan oleh Tun Daim Zainuddin sendiri, iaitu bekas Menteri Kewangan kita. Saya rasa penubuhan ini kena pada masanya dan perlantikan pengerusinya kenalah kepada orangnya. Tun Daim Zainuddin, sebagai bekas Menteri Kewangan dan telahpun berjaya meletakkan ekonomi negara kita ke landasan yang betul, tentunya akan menggunakan segala kepakaran beliau, segala tenaga, dan segala kepintaran beliau dalam bidang perniagaan untuk memajukan Labuan. Segala bantuan kerjasama, kepercayaan mestilah diberikan kepada Tun Daim Zainuddin dan juga ahli-ahli Lembaga Pembangunan Labuan. Beliau mestilah diberikan tanggungjawab dan juga kuasa untuk melaksanakan tugasnya. Mengenali Tun Daim Zainuddin, kita berharap beliau tidak beragak-agak melaksanakan apa sahaja yang difikirkan baik untuk membangunkan Labuan sebagai Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa.

Saya menyokong di atas cadangan oleh Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput tadi, iaitu memberikan tanggungjawab dan kuasa sahaja tidak mencukupi, kalau tidak diberikan peruntukan yang mencukupi. Peruntukan yang tidak terhad hendaklah diberikan kepada Lembaga Pembangunan Labuan ini. Kita tidak mahu adanya projek yang tergendala ataupun tertangguh bukannya disebabkan kekurangan kepakaran tetapi disebabkan oleh kekurangan peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membuat beberapa cadangan di atas penubuhan ataupun di atas usaha kita untuk memajukan Labuan sebagai Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui telahpun dijelaskan tadi bahawa pada masa sekarang, Labuan mempunyai penduduk seramai 40,000 orang. Saya rasa dengan keluasan 92 kilometer persegi, penduduk yang terdapat di Labuan ini adalah terlalu kecil dan ianya tidak boleh menyediakan tenaga kerja dan juga kuasa beli yang mencukupi. Usaha hendaklah dijalankan bagi mengadakan industri- industri sampingan di Pulau Labuan dan di samping itu juga, untuk memenuhi tenaga kerja di pulau ini, usaha hendaklah dijalankan ataupun digalakkan penghijrahan penduduk daripada Semenanjung ataupun, daripada Sabah ataupun daripada Sarawak ke Labuan.

Pada masa yang sama juga, penduduk Labuan hendaklah bersedia menerima sabarang perubahan dan juga menerima perubahan ini dengan fikiran yang terbuka dan rasional. Di samping bersedia menerima penghijrahan penduduk-penduduk daripada kawasan Luar Labuan, penduduk Labuan juga sebagai satu pusat kewangan pesisir antarabangsa hendaklah bersedia menerima kemasukan tenaga asing yang terlatih dan juga tenaga profesional daripada bangsa lain ataupun daripada luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Lapangan Terbang Labuan telahpun/sedang dibesarkan dan untuk terus memajukan Labuan adalah dicadangkan supaya penerbangan terus MAS ataupun syarikat-syarikat penerbangan yang lain ke Labuan hendaklah digalakkan. Kita tidak seharusnya menyekat ataupun meminta syarikat-syarikat penerbangan yang lain datang ke Kuala Lumpur dahulu, selepas itu baru dibawa ke Labuan dan juga sebaliknya. Kalau boleh biarlah kita izinkan penerbangan terus daripada kawasan-kawasan negeri-negeri lain terus ke Pulau Labuan. Saya berharap pihak syarikat penerbangan kita jangan terasa seolah-olah peluang mereka telahpun diambil oleh syarikat-syarikat lain. Apa yang kita hendakkan ialah supaya Labuan itu maju dan dalam apa cara sekalipun segala bantuan hendaklah diberikan.

Ketiganya, sepertimana yang telahpun dikatakan dari segi pemasaran. Baru-baru ini kita telahpun di ketahui bahawa dengan izin, satu road-show telahpun diadakan yang diketuai oleh Menteri Kewangan kita ke Tokyo dan juga ke Taipei. Apa yang kita harapkan ialah satu delegasi yang high-powered dan yang boleh membuat keputusan in-situ di situ juga. Segala keputusan apabila mereka ini berjumpa atau berhubung dengan pihak-pihak pelabur di Luar negeri, mereka ini boleh membuat keputusan di situ, tidak payah lagi merujuk apa yang telahpun dibincangkan, dibawa balik ke Kuala Lumpur untuk dibincangkan pula dengan pihak-pihak yang tertentu lagi. Biarlah satu delegasi yang betul-betul high-powered seperti pihak MIDA, Labuan Development Authority, Bank Negara dan juga sebagainya.

Sepertimana yang telahpun disuarakan oleh Yang Berhormat Tuan Isli tadi, saya difahamkan seolah-olah delegasi yang diketuai oleh Menteri Kewangan itu tidak termasuk pemimpin-pemimpin tempatan daripada Labuan. Kalau boleh, kita bawa juga pemimpin-pemimpin tempatan daripada Labuan yang lebih mengetahui akan masalah-masalah di pulau itu untuk bersama-sama di dalam rombongan ataupun misi dagang yang dihantar ke luar negara. Dalam konteks ini juga Kerajaan patut di samping menggalakkan rombongan ini, kalau boleh, memberikan juga satu peruntukan, satu grant kepada misi road-show yang bukan hanya semestinya diketuai oleh Menteri Kewangan ataupun sebagainya tetapi juga daripada rombongan-rombongan ahli perniagaan tempatan ataupun daripada Kuala Lumpur ataupun daripada negara ini untuk sama-sama promote ataupun memasarkan Labuan.

Yang keempatnya, kita juga difahamkan bahawa Labuan Development Authority dibolehkan berniaga dan adalah dicadangkan supaya Labuan Development Authority mengenalpasti bidang perniagaan yang hendak diceburi dan juga bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha tempatan melalui modal teroka atau dengan izin, venture capital. LDA hendaklah mengenalpasti usahawan-usahawan yang berpotensi untuk berusahasama melalui modal terokaan ini.

Yang kelimanya, apa yang dikuatirkan juga ialah kerana di samping adanya Labuan Development Authority (LDA), di Labuan juga terdapat Majlis Perbandaran Labuan. Apa yang kita harapkan ialah tidak ada berlaku pertindihan di antara Majlis Perbandaran Labuan dan juga Labuan Development Authority. Apa yang kita harapkan ialah kedua-duanya ini hendaklah saling melengkapi di antara satu dengan yang lainnya.

Yang keenam, kita berharap Labuan Development Authority (LDA) hendaklah dijadikan sebagai one-stop agency untuk pelabur-pelabur yang ingin melabur di Pulau Labuan. Kita tidak mahu LDA hanya menjadi satu badan penyaluran kepada pihak-pihak lain di peringkat Federal ataupun di peringkat Persekutuan. Kita mahu LDA mempunyai kuasa yang mutlak yang boleh membuat apa sahaja keputusan yang baik untuk membangunkan Labuan. LDA tidak perlu lagi merujuk kepada mana-mana jabatan di peringkat Persekutuan ataupun sebagainya untuk melaksanakan sesuatu projek yang dirancangkan. Cuma dengan ini, saya percaya barulah LDA boleh berfungsi dan saya percaya dengan kepimpinan Tun Daim sebagai Pengerusi LDA, Labuan akan mempunyai masa depan yang cerah.

Satu perkara yang tidak dapat kita elakkan dari segi pembangunan di Pulau Labuan ini ialah tentang kenaikan nilai hartanah dan juga harta-harta yang lain. Mengikut kajian terbaru yang telahpun dikeluarkan mengenai kenaikan nilai hartanah dan juga sewa di Labuan telahpun meningkat lebih daripada 80% kalau dibandingkan pada tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk sama-sama membincangkan satu akta untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990. Terima kasih.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:**

Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay.

**5,08 ptg.**

**Tuan Ng Peng Hay:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 1991 dan terus menyokong Rang Undang-undang **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan ini adalah dialu-alukan dan ianya menunjukkan betapa seriusnya Kerajaan untuk membangunkan Labuan dan begitu responsive terhadap masalah awalan bagi Labuan beroperasi sebagai IOFC.

Tuan Yang di-Pertua, kadar cukai yang dikenakan mengikut Akta Ibu Bahagian II Fasal 3 hingga 8 menjelaskan bahawa bagi sesuatu tahun taksiran satu syarikat luar pesisir yang menjalankan suatu aktiviti perdagangan luar pesisir akan diberikan pilihan sama ada membayar cukai atas kadar 3% daripada keuntungan bersihnya atau

menembayar cukai sejumlah \$20,000 bagi tahun taksiran. Saya berpendapat bahawa pindaan ini adalah tepat dan ia akan menjadikan peruntukan LOBAT ini lebih flexible, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Kerajaan kita telah berhasrat ingin menjadikan Labuan sebagai satu IOFC yang berada di rantau ini dan kami mempunyai keyakinan penuh bahawa cadangan Labuan sebagai IOFC di rantau ini akan berjaya.

Akan tetapi, kami telah mendapat beberapa maklumbalas tentang cadangan IOFC ini yang mana kami berpendapat bahawa cadangan ataupun pengisytiharan Langkawi sebagai IOFC tidak cukup liputan di mass media di negara luar. Saya sebut demikian kerana baru-baru ini saya baru balik daripada misi promosi pelaburan di Taiwan dan Hong Kong yang mana saya telah mendapat peluang untuk menemui beberapa orang peniaga yang didapati bahawa pihak Kementerian Kewangan dan MIDA telah menganjurkan seminar untuk mempromote Labuan sebagai destinasi pelaburan, sebagai IOFC dan saya telah difahamkan bahawa road-show, dengan izin, yang telah dianjurkan di Hong Kong telah mendapat sambutan yang baik yang mana lebih kurang 200 orang peserta bakal-bakal pelabur telah menyertai dalam seminar tersebut. Dan di Taiwan pada 2hb yang mana seminar telah diadakan dan rombongan yang telah menganjurkan seminar ini telah diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, dan saya difahamkan pada 2hb Disember di Taiwan ada lebih kurang 170 orang peserta daripada bakal-bakal pelabur Taiwan telah menyertai dalam seminar tersebut. Dan saya juga difahamkan bahawa seminar yang sedemikian telah diadakan di Tokyo.

Tuan Yang di-Pertua, di Taiwan baru-baru ini, seminar telah dianjurkan oleh pihak Kementerian Kewangan bersama dengan pihak MIDA yang saya dapat maklumbalas kerana selepas rombongan ataupun selepas seminar diadakan di Taiwan, saya pun tiba di Taipei dan saya dapat beberapa orang peniaga ataupun pelabur berpotensi yang ingin memahami berkenaan dengan keadaar Labuan sebagai IOFC. Mereka telah menghadiri seminar yang telah diadakan. Dan pada mereka setengah-

setengah tidak membuat soalan ataupun tidak mengadakan respon yang begitu aktif yang saya difahamkan kerana mereka tidak cukup memahami keadaan di Labuan.

Yang kedua, kerana seminar yang dianjurkan dan diadakan dalam bahasa Inggeris dan diterjemahkan dalam bahasa Mandarin. Jadi, ada setengah-setengah pelabur-pelabur yang berpotensi tidak begitu faham tentang apa yang telah disampaikan di dalam seminar tersebut. Dan ada setengah-setengah bakal-bakal pelabur pula tidak tahu di mana terletak Pulau Labuan, dan mereka tidak jelas keadaan di negara kita. Oleh yang demikian, saya suka mengemukakan dua tiga perkara dan minta perhatian Kementerian Kewangan untuk bertindak terus supaya usaha Kerajaan untuk menarik pelabur-pelabur daripada negara-negara yang saya sebut tadi tidak terjejas.

Yang ketiga, ada bakal-bakal pelabur ataupun pelabur-pelabur yang berpotensi daripada Taipeh telah memberitahu saya bahawa pada masa kini apabila seseorang daripada Taiwan ingin datang melawat ke Malaysia, mereka datang melawat sebagai seorang pelawat ataupun seorang peniaga menguruskan pemiagaan. Mereka masih memerlukan visa lawatan. Walaupun permohonan visa lawatan mengambil masa lebih kurang satu dua hari di Malaysia, Friendship Trading Centre, dengan izin, di Taipeh, tetapi kerana permohonan ini terpaksa mengambil masa dan adalah satu cara yang lebih sukar untuk mereka pergi ke pejabat kita dekat Taipeh untuk membuat permohonan, kerana mereka memberitahu bahawa kalau dibanding dengan Indonesia dan Thailand, seseorang rakyat Taiwan datang melawat ke negara Indonesia dan Bangkok tidak perlu memohon visa. Dan mereka tidak menghalang atau-

pun tidak meminta bahawa Kerajaan kita mengeluarkan visa. Tetapi apa yang disebut ialah kerana Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah dua kali memberi jaminan di Taipei bahawa Kerajaan kita, Kabinet kita akan menghapuskan visa lawatan bagi pelawat-pelawat daripada Taiwan. Dan sehingga kini telah hampir tiga tahun tetapi Kerajaan kita masih belum mengimplemenkan apa yang telah dijanjikan di Taiwan. Maka ada setengah-sentengah pelabur tidak berkeyakinan terhadap apa yang disebutkan oleh Kerajaan kita.

Jadi, saya berharap Kementerian Kewangan dan semua pihak yang berkenaan akan mengambil berat tentang apa yang telah saya dapat maklumbalas daripada Taiwan berkenaan dengan visa lawatan yang mana telah diumumkan, yang mana akan dihapuskan kerana kita mempunyai ramai pelawat-pelawat, pelancong-pelancong daripada Taiwan yang melawat ke negara kita baik untuk pelancongan ataupun datang untuk kajian untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan.

Selain daripada itu, ada setengah-sentengah bakal-bakal pelabur daripada Taiwan berasa kluatir pelaburan mereka tidak terjamin kerana negara kita tidak ada perhubungan diplomat dengan pihak Taiwan, dan ramai pelabur-pelabur ataupun bakal-bakal pelabur telah mengemukakan kepada Kerajaan kita dan Kerajaan kita pun telah pernah mengadakan perundingan, perbincangan dengan Kerajaan Taiwan dan telah diumumkan melalui press media bahawa perjanjian pelaburan di antara Taiwan dengan Malaysia akan ditandatangani. Dengan izin, Investment Guaranttee Agreement, akan ditandatangani di antara pihak Kerajaan ataupun dengan pihak wakil Taiwan dengan Malaysia.

Ini telahpun berkali-kali dimaklumkan di Taiwan, tetapi sehingga kini belum ada tandatangan lagi surat perjanjian seperti yang saya sebut tadi. Dan ini kemungkinan menjadikan satu halangan untuk bakal-bakal pelabur Taiwan yang sangat berminat untuk datang ke Malaysia untuk melabur. Dan saya pun telah mendapatkan satu maklumbalas sebenarnya satu kilang besi Steel Mill, dengan izin telah bercadang untuk meletakkan satu pelaburan baru di negara kita yang kepunyaan pihak Kerajaan Taiwan iaitu China Steel Mill daripada Taiwan. Pada setakat ini pun telah menangguhkan cadangan tersebut. Ini adalah berkaitan kerana perkara ini telah dibawa ke dalam perbincangan Dewan Undangan Negeri Melaka yang mana setengah-setengah Wakil-wakil Rakyat telah mempersoalkan kenapa Kerajaan Taiwan memilih Malaysia sebagai satu destinasi untuk pelaburan. Steel Mill yang begitu besar di Malaysia dan apakah jaminan yang diberi oleh Kerajaan Malaysia.

Maka saya berpendapat, surat perjanjian. pelaburan ataupun Investment Guaranttee Agreement di antara Taiwan dengan Malaysia adalah satu dokumen yang sangat penting yang boleh menjadi satu galakan dan dorongan kepada pelabur-pelabur daripada Taiwan untuk melabur di Malaysia, juga terus melabur di Labuan , dan Tuan Yang di-Pertua.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Yang Berhormat, perkara yang disebut tadi adakah berkaitan langsung dengan apa yang dirancangkan dalam undang-undang berkenaan dengan Labuan?

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan huraian lagi. Ada berkaitan kerana Labuan adalah terletak di Malaysia, maka bila Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini mengadakan seminar walaupun di antara 170 orang telah menyertai dalam seminar tersebut tidak menyoal begitu aktif kerana apa yang saya dapat maklumbalas, melalui siaran press media di Taiwan ada beberapa perkara yang telah dijanjikan diumumkan oleh Kerajaan kita di Taiwan melalui Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri tidak diimplimenkan.

Maka ia akan sedikit-sebanyak menjejaskan usaha Kerajaan untuk menarik pelabur-pelabur yang berpotensi ke Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan apa yang saya sebut tadi bahawa satu lagi perkara yang telah menghilangkan keyakinan pelabur-pelabur yang berpotensi dari Taiwan iaitu satu laporan di preas-media selepas lawatan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mempromote Labuan sebagai IOFC di Taiwan maka satu kenyataan yang saya telah menterjemahkan dalam Bahasa Malaysia telah dilaporkan melalui satu press-media yang penting di Taipeh dengan tajuk besar-besaran yang menyatakan kerana laporan liputan press-media ini telah sedikit-sebanyak memutar-belitkan apa yang sebenarnya berlaku dalam Budget Speech yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan Rakyat.

Jadi, liputan dalam press-media itu menyebut, "Malaysia sedang dalam proses membatalkan sebahagian kelonggaran Akta-akta Pelaburan, mengurangkan pengecualian cukai selama 5 tahun yang ditetapkan bagi syarikat-syarikat yang mempunyai taraf perintis dan tempoh masa pengecualian cukai tidak akan dilanjutkan".

Maka, Tuan Yang di-Pertua, dengan tajuk liputan press-media sedemikian, ia sedikit sebanyak akan menakutkan pelabur-pelabur yang berpotensi yang ingin datang ke Malaysia untuk melabur di Labuan.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:**  
Press-media yang di mana itu, Yang Berhormat?

**Tuan Ng Peng Hay:** Di Taiwan, Tuan Yang di-Pertua. Maka saya berharap penterjemahan dalam Bahasa Malaysia ini, potongan suratkhabar Taiwan ini, saya akan serahkan kepada Yang Berhormat. Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan dan saya berharap, Kerajaan kita akan mengambil perhatian tentang laporan liputan press-media ini dan sehingga hari ini saya belum dapat wakil dari Wisma Putra membuat penjelasan di Taiwan dan saya kkuatir ini akan menjejaskan usaha Kerajaan kita untuk menarik pelabur-pelabur ke Labuan.

Saya sebut perkara ini kerana seminar yang terakhir dianjurkan oleh Kementerian Kewangan adalah di Taipei. Jadi, saya tidak mahu perkara ini akan menjadikan satu halangan untuk usaha Kerajaan kita menarik pelabur-pelabur yang berpotensi ke Labuan. Jadi, saya berharap, wakil dari Wisma Putra yang berada di Taipei harus mengadakan penjelasan kepada press-media supaya memberikan satu gambaran apa yang sebenarnya berlaku dan kalau mengikut bacaan suratkhabar yang saya baca mengenai kenyataan yang ada di Taipei, seolah-olah Kerajaan kita akan menarik balik segala kilang-kilang yang telah diluluskan dengan insentif taraf perintis.

Jadi, ini penting yang mana Wisma Putra dan wakil kita di Taipei perlu mengadakan penjelasan yang cukup jelas. Saya berharap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan akan menggunakan perbahasan ataupun pemindaan Rang Undang-undang pada petang ini membuat satu kenyataan atau penjelasan kepada pelabur-pelabur yang datang dari mana-taana negara supaya mereka

fahaman apa yang telah dicadangkan oleh Kementerian Kewangan tentang pertimbangan ataupun tentang pembatalan sebahagian kelonggaran Akta-akta Pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, ada sesetengah bakal pelabur di Hong Kong yang saya telah temui bahawa mereka pun mempunyai kekhuatiran yang mana di Hong Kong masa kini sedang menghadapi tamat tempoh sewaan pulau Hong Kong dengan pihak negeri China yang mana akan tamat pada 1hb Julai 1997 dan saya berpendapat bahawa seminar yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan bersama dengan pihak MIDA berkenaan dengan Labuan sebagai IOFC di Hong Kong telah mendapat sambutan yang baik. Lebih kurang 250 orang peserta telah mengambil bahagian dan kebanyakan pelabur-pelabur yang berpotensi daripada Hong Kong. Mereka memang mencari tempat yang sesuai untuk mereka melabur tetapi syarat yang penting mereka memerlukan satu "PR", dengan izin, ataupun memerlukan satu taraf penduduk tetap kerana mereka kluatir kalau sekiranya mereka melabur di Labuan, tetapi mereka tidak mendapat "PR" ataupun taraf penduduk tetap di sini maka pelaburan mereka tidak terjamin dan siapakah yang akan menjaga ataupun memberi jaminan tentang pelaburan yang berjuta-juta itu. Lagipun, yang amat penting kepada pelabur-pelabur Hong Kong ialah mereka menggunakan pelaburan mereka di luar Hong Kong untuk tujuan mendapatkan satu taraf penduduk tetap ataupun "PR", dengan izin, supaya sebelum 1997, mereka mendapat satu tempat yang baru yang mana sekiranya kalau ada perkara-perkara atau

peristiwa-peristiwa yang tidak diingini berlaku di Hong Kong, maka mereka ada satu lagi tempat yang mereka boleh duduk.

Saya berharap, walaupun ini adalah cadangan daripada bakal-bakal pelabur dari Hong Kong, saya berharap kemungkinan Kerajaan kita dapat memberi pertimbangan dan membuat kajian tentang apa yang telah dicadangkan oleh bakal-bakal pelabur dari Hong Kong yang mana mereka bercadang kemungkinan membuat pelaburan \$5 juta ataupun lebih untuk dapatkan satu "PR" atau satu taraf penduduk yang tetap di Malaysia kerana kalau di Singapura, sesiapa pelabur asing yang melaburkan \$2.5 juta wang Singapura, kalau saya tak silap, akan mendapatkan satu "PR", dengan. izin, di Singapura. Maka pihak Kerajaan Singapura telah mengadakan promosi di Hong Kong dan telah mengadakan satu promosi yang begitu berjaya yang mana pelabur-pelabur Hong Kong terus melabur di Singapura dan mendapatkan "PR".

Tuan Yang di-Pertua, walaupun itu cuma sebagai maklumbalas dan cadangan, saya berharap Kementerian Kewangan dan Kerajaan kita akan membuat kajian yang mana sesuai. Saya berharap berilah pertimbangan yang wajar.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya suka memberi sedikit pandangan dari pengalaman saya sebagai seorang Penyelaras Pelaburan bagi Kerajaan Negeri Melaka ataupun Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka selama 3 tahun kerana sebagai seorang Penyelaras ataupun seorang yang mempromote Malaysia sebagai destinasi pelaburan, saya mempunyai bermacam-macam pengalaman yang pahit. Mula-mula bila kita mempromote Malaysia sebagai destinasi pelaburan, ada sesetengah

pelabur daripada negara-negara lain, tidak tahupun di mana duduknya Malaysia' di mana geography location, dengan izin, Malaysia kerana promosi yang dibuat untuk negara kita tidak mencukupi. Tetapi masa kini ramai dari pelabur-pelabur asing sudahpun tahu di mana Malaysia ini kerana dalam tahun 1990, kita telah mengadakan Tahun Melawat Malaysia dan sangat berjaya kerana ramai sudah tahu di mana letaknya Malaysia. Untuk Labuan, kita mempromote sebagai IOFC, saya mencadangkan selain dari seminar yang telah dianjurkan oleh pihak Kementerian Kewangan itu di Tokyo, Taiwan dan Hong Kong, saya berharap pihak Lembaga Pembangunan Labuan akan mengadakan pegawai ataupun melantik orang yang bertanggungjawab sebagai pegawai sepenuh masa yang tetap untuk menjalankan. promosi di negara-negara asing yang saya sebut tadi.

Kerana selain daripada seminar dan promosi yang telah dibuat, kita perlu mengadakan usaha susulan, ataupun dengan izin, follow-up. Dalam seminar di Hong Kong 250 orang peserta yang telah mengambil bahagian. Kalau pihak Lembaga Pembangunan Labuan mengadakan seorang wakil bekerjasama dengan Pengarah MIDA di Hong Kong dan terus pergi berjumpa, bertemu, buat follow-up atau usaha susulan dengan bakal-bakal pelabur, dan jemput mereka datang melawat Labuan, saya yakin kemungkinan daripada 250 orang peserta ini kalau 10%, kita akan mendapat 25 orang pelabur yang datang melabur di Labuan;

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan bahawa Lembaga Pembangunan Labuan sebelum melantik wakil baik di Hong Kong, di Taiwan ataupun, seorang wakil dapat membuatkan urusan usaha susulan ke negara-negara yang telah mengadakan seminar baru-baru ini dan apa yang telah disebutkan tadi, saya bercadang kalau dapat melantik seorang wakil tempatau seperti Yang Berhormat Isli Haji Siput yang bertaraf sebagai seorang Ahli Dewan Negara, seorang Senator apabila membuat promosi di luar negara kita akan dapat menjadikan satu influence kepada pelabur-pelabur yang ingin datang ke Labuan.

Selain daripada itu, kemungkinan Lembaga Pembangunan Labuan boleh mempertimbang untuk mengadakan pejabat sama ada di Taipei, di Hong Kong ataupun di Tokyo bersama-sama dengan pihak Pengarah MIDA untuk membuat follow-up, dengan izin, ataupun usaha susulan menarik pelabur-pelabur datang ke Labuan. Saya berpendapat ini adalah lebih berkesan untuk menjayakan Labuan sebagai IOFC.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kementerian. Kewangan bersama dengan pihak MIDA yang telah mengadakan brochure bagi memperkenalkan Labuan sebagai IOFC yang mana saya telah memperolehi brochure tersebut melalui Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan. Setelah saya membaca dan meneliti brochure ini, saya dapati ianya adalah dalam bahasa Inggeris yang mana dapat memperkenalkan Labuan sebagai IOFC. Saya berpendapat kalau brochure ini cuma dibuat dalam bahasa Inggeris, ia tidak mencukupi, kerana pada setakat ini ramai juga pelabur-pelabur dari Jepun sangat berminat untuk melabur di Malaysia.

Kalau sekiranya Kerajaan atau pihak Kementerian Kewangan dapat mempertimbangkan mengadakan brochure ini diterjemahkan dalam bahasa Jepun, maka kita dapat edarkan kepada bakal-bakal pelabur dari Jepun, kerana pada pengalaman saya brochure ini kalau bahasa Inggeris, bahasa Jepun dan kemungkinan mempertimbangkan dalam bahasa Mandarin untuk bakal-bakal pelabur dari Taiwan dan Hong Kong yang setengah-setengahnya tidak faham bahasa Inggeris, mereka akan mendapatkan brochure dalam bahasa Mandarin atau bahasa yang mereka fahami akan lebih memperkenalkan lagi Labuan sebagai IOFC dan mereka akan terus datang melawat dan terus melaburkan wang mereka di Labuan. Saya minta Kementerian Kewangan akan mengambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa brochure yang saya dapat ini telah ditaja oleh pihak Public Bank Bhd. Ini adalah satu

usaha yang baik oleh pihak swasta membantu Kerajaan. Kemungkinan kalau sekiranya Kementerian Kewangan hendak menterjemahkan ke dalam bahasa Mandarin, bahasa Jepun atau bahasa-bahasa lain, boleh mendapatkan tajaan dari bank-bank yang lain kerana usaha Kerajaan menjadikan Labuan sebagai IOFC bukan sahaja peranan perlu dimainkan oleh pihak Kerajaan. Penting juga pihak swasta membantu Kerajaan. Dalam brochure ini saya dapati ada gambar-gambar menunjukkan cawangan- cawangan bank di Labuan dan gambar-gambar yang dipamerkan yang telah dicetak di dalam brochure ini bukan sahaja Public Bank tetapi termasuk juga Hong Kong Bank, Standard Chartered Bank dan lain-lain. Kemungkinan pihak yang berkenaan boleh meminta bank-bank yang lain memberi tajaan atau sponsor, dengan izin, dalam bahasa lain.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang saya sebutkan tadi, saya berharap dengan adanya pindaan pada petang ini dan juga dari usaha gigih daripada Kerajaan dan semua pihak, maka Labuan pada satu hari akan menjadi IOFC seperti yang telah diumumkan ataupun diisytiharkan kerana saya berpendapat ada setengah-setengah negara yang mengisytiharkan IOFC sebagai satu International Offshore Financial Centre, dengan izin, dan ini bukannya senang. Memang sukar dan ia akan mengambil masa yang panjang. Apa yang saya difahamkan, seperti The Isle of Man yang mana saya pernah melawat semasa menghadiri Persidangan CPA dan saya telahpun mendapatkan taklimat daripada pihak Kerajaan Isle of Man, mereka mengambil masa lebih daripada 10 tahun untuk dijayakan sebagai IOFC dan mereka menghadapi berbagai-bagai kesukaran untuk menarik pelabur-pelabur melabur di Isle of Man. Kalau Labuan mengambil masa lebih daripada

10 tahun, itupun boleh dikatakan kita telah berjaya kalau bersaing dengan Isle of Man atau lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap usaha kita untuk menjadikan Labuan sebagai IOFC bukan sahaja melalui pindaan hari ini dan ia akan mengambil masa yang lebih panjang dan dengan usaha Kerajaan dan swasta, saya berkeyakinan penuh bahawa ianya akan berjaya

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memheri saya peluang dan saya juga mencadangkan bahawa ada baiknya sekiranya Kementerian Kewangan ataupun pihak Lembaga Pembangunan Labuan dapat menjemput Ahli-ahli Dewan Negara bersama-sama dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat untuk membuat satu lawatan ke Labuan dan mengadakan taklimat yang diberikan oleh pihak Lembaga Pembangunan Labuan supaya kita Ahli-ahli Dewan Negara akan dapat membantu Kerajaan mengkotakan hasrat Kerajaan supaya Labuan akan berjaya dijadikan IOFC yang terkenal di rantau ini.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:**

Terima kasih Yang Berhormat, itu satu usul yang baik telahpun dikemukakan. Di antara lain yang menarik bagi saya ialah, Yang Berhormat ada menyebutkan berkenaan dengan laporan daripada akhbar di Taiwan. Boleh saya tanya, bilakah laporan itu telah dilaporkan?

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya laporan telah diadakan pada hujung bulan November, tetapi saya mendapatkan potongan ini semasa saya membuat lawatan ke Taipeh baru-baru ini selepas seminar yang telah dianjurkan oleh Kementerian Kewangan di Taipeh.

**Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:**

Terima kasih. Saya percaya Kementerian berkenaan tentu sekali mengambil perhatian ke atas syor-syor yang difikirkan baik dan menguntungkan negara kita pada keseluruhannya. Ada lagi Yang Berhormat yang hendak berucap? Kalau tiada, dijemput Setiausaha Parlimen menjawab.

5.37 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, mula-mula sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kelima-lima Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Tuan Isli, Yang Berhormat Dato' Vaviveelo, Yang Berhormat Tuan Rahim, Yang Berhormat Puan Hajah Rogayah, dan Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay kerana mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Saya juga amat bangga dan berterima kasih di atas saranan-saranan bernas yang dikemukakan dan selain dari itu saya bangga mendengar bahawa ada di kalangan Ahli-ahli Dewan Negara yang membantu usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan di rantau ini, khususnya Yang Berhormat Tuan Isli, Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay yang mungkin atas perbelanjaan sendiri telah keluar negeri ke Hong Kong, ke Taiwan untuk bersama-sama menyahut usaha Kerajaan bagi memastikan agar pelabur-pelabur terus berminat untuk melabur di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Isli telah memberikan kita semua lebih latar belakang tentang perkembangan-perkembangan di Labuan dan beliau sebagai orang tempatan sudah semestinyalah mempunyai maklumat-maklumat yang mutakhir dan terkini. Begitu juga saya ucapkan terima kasih kepada beliau.

Sebelum saya pergi lebih lanjut, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menjelaskan bahawa dalam masa dua tiga hari lagi Dewan Rakyat akan membahaskan satu Rang Undang-undang yang akan mencadangkan penubuhan Lembaga Pembangunan Labuan. Dan jika sekiranya Rang Undang-undang tersebut diluluskan oleh Dewan Rakyat maka insya Allah, Rang Undang-undang itu akan dibahaskan oleh Ahli Yang Berhormat dan ketika itu isu-isu berkaitan dengan Labuan boleh dibahaskan sekali lagi. Jadi, saya berharaplah Ahli Yang Berhormat akan mengambil kesempatan sekali lagi untuk membahaskan Labuan ini.

Dalam hubungan ini mungkin ada perkara-perkara yang tidak saya sentuh pada petang ini oleh kerana sebenarnya Rang Undang—undang yang kita bincangkan pada kali ini di Dewan Negara hanyalah tertumpu kepada satu pindaan sahaja iaitu untuk menambah satu pilihan lagi kepada para pelabur dari segi pembayaran cukai ataupun dalam kes membayar fee iaitu Seksyen 10A di mana kalau dulu pilihan hanya

diberikan dua sahaja pilihan sama ada membayar 3% cukai atau menjbayar \$20,000 setahun. Kali ini yang dicadangkan oleh Kerajaan ialah menambah satu lagi pilihan iaitu memilih untuk membayar \$20,000 kepada satu institusi Kerajaan yang ditetapkan iaitu Pendaftar Syarikat.

Saya ingin mengambil kesempatan ini memberi sedikit penjelasan lagi tentang kenapa pilihan ini diberi. Daripada seminar-seminar yang diadakan oleh Kerajaan, rungutan timbul di kalangan beberapa syarikat yang tidak berapa gemar membayar cukai kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Kerana apabila disebutkan cukai sahaja, maka ada kalangan yang gentar apabila disebutkan cukai. Ada yang kurang gemar membayar cukai. Oleh itu, saranan telah dikemukakan kepada Kerajaan agar pilihan diberi. Maka Kerajaan telah mengadakan satu lagi pilihan di mana selain daripada dua pilihan itu, Kerajaan juga membenarkan syarikat-syarikat yang beroperasi di Labuan yang mengadakan kegiatan luar pesisir ini sama ada membayar fee atau membayar yuran sahaja. Faedahnya daripada pindaan ini ialah dengan membayar yuran sesebuah syarikat itu tidak perlu memfailkan return cukai pendapatan. Tidak perlu mengemukakan sebarang return cukai pendapatan, jadi hanya perlu dibayar fee tanpa soal selidik. Manakala kalau dikatakan sesuatu bayaran itu adalah cukai maka macam-macam persoalan akan dibangkitkan. Itulah, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian sebab utama kenapa Kerajaan mengadakan satu lagi pilihan iaitu semata-mata untuk

memeihara kepentingan aetengah-setengah pelabur yang tidak ingin, yang tidak gemar hendak memfailkan return cukai pendapatan. Itu penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Isli telah membangkitkan banyak perkara dan selain daripada itu Yang Berhormat Tuan Isli juga telah mengemukakan beberapa saranan kepada Kerajaan. Antara perkara-perkara yang dibangkitkan termasuklah sama ada Majlis Perbandaran Labuan itu lebih berkuasa daripada Lembaga Pembangunan Labuan yang bakal ditubuhkan. Mengenai perkara ini, Kementerian Kewangan akan memberi penjelasan lanjut apabila membentangkan Bill Lembaga Pembangunan Labuan.

Selain daripada itu Yang Berhormat Tuan Isli juga menyatakan bahawa persiapan diperlukan. Sebarang apa yang hendak kita buat memerlukan persiapan. Dalam hubungan ini ingin ditegaskan bahawa Kerajaan peka dengan pandangan-pandangan daripada penduduk tempatan di Labuan khususnya wakil-wakil rakyat dan juga Yang Berhormat Tuan Isli. Oleh itu, maka di bawah Rancangan Malaysia Keenam umpamanya Kerajaan telah memperuntukkan kira-kira \$361.61 juta untuk pembangunan infrastruktur termasuk pembesaran lapangan terbang, pembinaan jalan-jalan dan sebagainya.

Saya ingin menegaskan sepertimana yang dikatakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat Cermasuk Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay bahawa untuk mencapai maclamat sepenuhnya, sesebuah IOFC itu memerlukan masa. Dan sepertimana yang kita tahu Labuan baru setahun lebih

sahaja dijadikan sebagai IOFC. Dengan itu kita perlu bersabar. Dalam pada itu saya ingin memberi jaminan bahawa Kerajaan akan mengambil daya usaha yang gigih untuk memastikan bahawa Labuan ini akan terus maju menjadi sebuah IOFC yang berjaya di rantau ini.

Yang Berhormat Tuan Isli juga membangkitkan beberapa perkara lain antaranya perlu diwujudkan industri sokongan untuk mengadakan peluang-peluang pekerjaan, dibangkitkan tentang masalah harga tanah yang meningkat, dibangkitkan tentang perlunya diadakan peruntukan yang lebih. Selain daripada itu, Yang Berhormat juga menyarankan supaya Kementerian-Kementerian lain juga mengambil bahagian dalam menggalakkan ataupun memberi galakan kepada pelabur-pelabur untuk pergi ke Labuan. Ini semua akan diambil perhatian oleh Kerajaan dan kita juga akan mengambil kesempatan apabila membentangkan Rang Undang-undang mengenai penubuhan Lembaga Pembangunan Labuan untuk memberi penjelasan lebih lanjut tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Isli.

Selain daripada itu, juga dibangkitkan tentang diskriminasi atau layanan tidak sama di antara pelabur-pelabur tempatan dengan pelabur-pelabur luar negeri. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kesemua syarikat yang beroperasi secara syarikat luar pesisir di Labuan adalah dikenakan cukai yang sama. Jadi masalah diskriminasi ini tidak timbul. Kalau syarikat Malaysia menubuhkan operasi syarikat luar pesisir di Labuan, maka ianya juga diberi tiga pilihan iaitu sama ada membayar 3% atau \$20,000 kepada Jabatan Hasil Dalam

Negeri ataupun pilihan sebagaimana yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini membayar \$20,000 kepada Pendaftar Syarikat. Oleh itu, masalah diskriminasi tidak timbul.

Yang Berhormat Dato' Vadiveloo telah memuji usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan Labuan sebagai sebuah IOFC. Beliau juga ada menyatakan bahawa ada pihak yang pesimis yang menyatakan bahawa pusat ini tidak akan menjadi viable. Yang Berhormat Dato' Vadiveloo menyatakan bahawa Labuan yang mana beliau berikan angka-angka yang jelas menuigukkan bahawa perniagaan di Labuan telah meningkat dengan pesat sejak lebih satu tahun ia beroperasi. Ini semua menunjukkan bahawa IOFC telah berjaya di Labuan walaupun baru satu tahun. Dan kita percaya dengan usaha-usaha yang lebih gigih, Labuan akan terus maju sebagai sebuah IOFC.

Selain daripada itu perkara utama yang dibangkitkan oleh Dato' Vadiveloo ialah, dengan izin, beliau tidak mahu Labuan ini dijadikan sebagai crooks haven. Boleh dijadikan sebagai tax haven tetapi tidak harus dijadikan sebagai crooks haven. Kerajaan memang peka terhadap kebimbangan yang disuarakan oleh pihak-pihak tertentu mengenai perkara **ini**. Memang di setengah-setengah IOFC perkara-perkara ini berleluasa di mana **ada**, dengan izin, money laundering, hasil perolehan daripada peniagaan-perniagaan haram seperti dadah, pelacuran dan sebagainya disalurkan kepada IOFC. Kerajaan ingin menegaskan bahawa segala tindakan perlu akan diambil bagi memastikan Labuan akan beroperasi sebagai sebuah pusat yang

bersih daripada semua gejala-gejala yang negatif ini. Itulah antara perkara-perkara utama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Vadiveloo. Saya mengucapkan terima kasih.

Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah pula menyatakan bahawa fee \$20,000 yang dikenakan itu adalah terlalu rendah. Untuk menjawab persoalan ini, inginlah saya menyatakan bahawa Labuan sebagai 10FC yang terbaharu sekali dalam dunia perlu mengambil langkah—langkah yang perlu, yang tegas bagi menarik pelabur. Oleh kerana kita tahu bahawa agak sukar pada permulaannya untuk menarik pelabur-pelabur ke Labuan oleh kerana lokasinya, oleh kerana persaingan dengan tempat-tempat lain sepertimana dinyatakan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba yang menyatakan persaingan dengan Batam, dengan Singapura dan lain-lain, maka Kerajaan mengambil keputusan adalah penting kita mengenakan levi atau fee yang serendah mungkin, malah pada pandangan Kerajaan Labuan memberikan insentif yang terbaik jika dibandingkan dengan tempat-tempat lain.

Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, di Singapura, cukai ke atas perniagaan Luar Pesisir, kegiatan-kegiatan Luar Pesisir ialah kira-kira 10%, manakala regency ialah kira-kira 20%. Ini bermakna cukai lain-lain tempat itu adalah lebih tinggi. Kita hanya 3%, ataupun di bawah pindaan yang dicadangkan di dalam Dewan yang mulia **ini**, kita hanya mengenakan fee sebanyak \$20,000 yang akan dikutip oleh Pendaftar Syarikat. Dengan lain perkataan, olah kerana kita baru sahaja menubuhkan IOFC Labuan dan kita memang bertekad, berhasrat dan committed dalam usaha kita untuk menjaya Labuan sebagai IOFC, maka kerana itulah dikenakan fee yang paling rendah yang paling minimum untuk menarik sebanyak yang boleh palabur-pelabur ke Labuan.

Yang Berhormat Puan Hajah Rogayah juga mencadangkan supaya PNB meneroka bidang kewangan di Labuan. Saya percaya jika kegiatan—kegiatan perniagaan di Labuan menguntungkan, sudah pasti PNB akan ikut serta untuk melabur di sana.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Rahim Baba antara lain menyatakan bahawa terdapat banyak cabaran dan dugaan, dan beliau juga menyatakan bahawa saingan yang hebat akan datang daripada Batam dan Singapura. Kerajaan memang sedar akan hal **ini**, maka oleh itu sepertimana yang saya sebutkan tadi, bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Puan Hajah Rogayah tadi, maka Kerajaan mengenakan kadar cukai yang amat rendah jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan IOFC-IOFC lain di dunia pada hari **ini**.

Yang Berhormat Tuan Rahim Baba mengemukakan beberapa cadangan dan cadangan-cadangan ini walaupun tidak ada kaitan langsung dengan Rang Undang-undang yang kita bahaskan pada petang ini, akan diambil kira oleh Kerajaan, khususnya apabila Kementerian Kewangan membentangkan Rang Undang-undang berkaitan dengan penubuhan Lembaga Pembangunan Labuan dalam sedikit masa lagi, insya Allah. Antara cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba ialah rakyat Labuan perlu sedia menerima kemasukan tenaga asing, perlu diadakan lebih banyak lagi penerbangan langsung antara Labuan ke destinasi-destinasi lain, perlu diadakan usaha pemasaran yang lebih gigih, perlu diberikan grant untuk diadakan 'road-show' di luar negeri.

Mengenai perkara ini saya ingin menjelaskan bahawa, sebenarnya yang mengambil bahagian dalam usaha-usaha galakan di luar negeri ialah syarikat-syarikat ternama yang besar-besar. Mereka sebenarnya tidak memerlukan grant daripada Kerajaan malah mereka memberi, dengan izin, sponsorship, menyumbang kepada Kerajaan untuk mengadakan seminar. Umpamanya seminar yang diadakan di Tokyo, Taipei dan Hong Kong baru-baru ini. Boleh dikatakan semua majlis-majlis yang diadakan itu adalah dibiayai oleh sektor swasta. Jadi, ini jelas menunjukkan bahawa sektor swasta yang pertamanya, tidak memerlukan bantuan daripada Kerajaan dan bagi pihak Kerajaan kita mengalu-alukan sumbangan tersebut dan saya percaya sektor swasta akan terus

memberi sumbangan terhadap usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan lagi dan menarik minat pelabur untuk pergi ke Labuan.

Akhimya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay membangkitkan beberapa persoalan dan juga cadangan. Saya bagi pihak Kementerian Kewangan dan pihak Kerajaan ingin mengucapkan terima kasih kepada beliau di atas maklum-balas tentang laporan akhir yang dikatakan, diterbitkan di Taipei bertarikh 26hb. November. Beliau sudahpun memberikan laporan akhbar itu kepada saya yang antara lain beliau meminta supaya Kerajaan memberi penjelasan tentang laporan yang kurang tepat ini, yang mengatakan bahawa Kerajaan akan menarik-balik Insentif yang sebelum ini diberikan kepada pelabur-pelabur asing. Dalam hubungan ini, saya ingin memaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa 23hb Disember, pada hari Isnin akan datang Yang Berhormat Menteri Kewangan akan membentangkan perutusan Belanjawan di Dewan yang mulia ini. Dalam perutusan tersebut Yang Berhormat Menteri Kewangan akan mengambil kesempatan bagi memberi penjelasan lanjut tentang apa yang didakwa bahawa Malaysia sudah menarik balik beberapa keistimewaan yang diberi kepada pelabur asing.

Jadi, saya tidak mahulah menceritakan tentang apa yang akan diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, kita tunggulah perutusan Belanjawan beliau yang akan dibentangkan pada hari Isain akan datang.

Selain daripada itu. Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay juga mengemukakan banyak cadangan. Beliau ada menyarankan supaya Kerajaan menandatangani investment guarantee agreement ataupun perjanjian jaminan pelaburan dengan Taiwan secepat mungkin. Ini kita akan kemukakan kepada pihak berkenaan dalam Kerajaan supaya tindakan yang perlu akan diambil mengenai perkara ini.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay juga menyarankan supaya taraf penduduk tetap diberikan kepada mereka yang berminat melabur di sini. Kerajaan pada ketika ini tidak berhasrat untuk menukar dasar yang ada, dan dengan itu perkara ini tidaklah boleh diberi pertimbangan. buat ketika ini, walau bagaimanapun perkara ini akan dikaji oleh pihak yang berkenaan.

Mengenai Lembaga Pembangunan Labuan, Yang Berhormat Tuan Ng. Peng Hay menyarankan supaya dilantik pegawai sepenuh masa untuk mengadakan usaha-usaha galakan di luar negeri dan juga menyarankan supaya diadakan tindakan susulan apabila sesuatu seminar itu diadakan. Selain daripada itu, beliau menyarankan supaya orang tempatan Labuan dilantik sebagai seorang Ahli Majlis Lembaga Pembangunan Labuan dan juga disarankan supaya brochure-brochure di cetak selain daripada bahasa Inggeris, khususnya bahasa Jepun dan bahasa Mandarin.

Akhirnya, Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay menyarankan supaya diadakan satu lawatan khusus untuk Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat ke Labuan bagi membolehkan kita semua memahami dengan lebih dekat lagi perkembangan di Labuan dan dengan itu akan membolehkan kita membantu usaha-usaha Kerajaan dalam menarik lebih ramai pelabur ke Labuan. Semua saranan dan cadangan ini akan dikaji oleh Kementerian Kewangan.

Mengenai penerbitan brochure dalam bahasa Jepun dan Mandarin, saya kira perkara ini tidaklah berapa sukar dan Kementerian Kewangan akan berusaha melaksanakan cadangan Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay ini kerana kita sedar bahawa pelabur—pelabur Jepun dan Taiwan memang tidak memahami dengan baik bahasa Inggeris, iaitu bahasa yang mana kita gunakan untuk brochure yang diterbitkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang—undang ini akan menarik lagi minat pelabur ke Labuan, kerana sebelum pindaan Rang Undang—undang ini di buat, maka pilihan yang diberikan hanya dua iaitu membayar cukai 3% ataupun \$20,000 tetapi kedua-duanya perlu di bayar kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Di bawah pindaan yang dicadangkan dan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini, kita beri satu lagi pilihan, iaitu syarikat-ayarikat tidak perlu memfilekan return kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri, sebaliknya syarikat tersebut boleh memilih untuk membayar fee ataupun yuran kepada Pajabat

Pendaftar Syarikat sebanyak \$20,000. Kerajaan berpendapat bahawa dengan terlaksananya pindaan ini, maka Labuan akan menjadi sebuah IOFC yang lebih menarik dan dengan itu hasrat kita untuk menarik lebih ramai pelabur ke Malaysia sudah pasti akan berjaya.

Tuaa Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi tarima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat - lima Ahli Yang Berhormat tadi yang mengambil bahagian dan saranan-saranan mereka banyak yang bernas dan jika ada perkara-perkara yang tidak saya sentuh dalam jawapan ini maka Kementerian Kewangan akan memberi penjelasan lanjut apabila Rang Undang-undang berkaitan dengan penubuhan Lembaga Pembangunan Labuan sekiranya diluluskan oleh Dewan Rakyat dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Sekian.

**Gen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG EKSTRADISI

**Bacaan Kali Yang kedua dan Ketiga**

6.04 ptg.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama satu Akta yang berhubung dengan

ekstradisi penjenayah-penjenayah buruan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan mengenai ekstradisi yang berkuatkuasa di Malaysia pada masa sekarang terkandung dalam dua undang-undang yang berlainan iaitu Ordinan Ekstradisi 1958 yang mula berkuatkuasa pada 1hb Disember, 1960 dan Akta Penjenayah Buruan Kommanwel 1967 yang mula berkuatkuasa pada 30hb Septenber, 1967. Sejak kedua-dua undang-undang itu dibuat, telah banyak perkembangan baru dalam bidang ini. Lagipun, ada peruntukan dalam undang-undang itu yang bertindih atau dengan izin, overlapped. Sudah sampai masanya suatu undang-undang yang kemaskini dan menyeluruh mengenai ekstradisi diwujudkan.

Rang Undang-undang yang dicadangkan ini mengandungi peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam undang-undang yang disebutkan tadi yang sudah disemak dan disusun semula. Selain dari itu, beberapa peruntukan baru telahpun dimasukkan supaya undang-undang ekstradisi di negara ini nanti selaras dengan skim ekstradisi Kommanwel dan Koiwensyen untuk membanteras kegiatan pengedaran dadah narkotik dan bahan-bahan psikotropik. Peruntukan baru ini akan menyenangkan segala perundingan, perjanjian ekstradisi di antara Malaysia dengan negara-negara yang telahpun memberikan persetujuan kepada skim ekstradisi Kommanwel ataupun yang menjadi pihak kepada Konvensyen yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk menghuraikan peruntukan Rang Undang-undang ini satu-persatu kerana huraian

sedemikian sudahpun disertakan bersama Rang Undang-undang **ini**. Bagaimanapun, izinkan saya menerangkan peruntukan-peruntukan baru mengenai ekstradisi yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini dengan segala permohonan ekstradisi, kes prima facie perlu dibuktikan. Peruntukan yang terkandung dalam fasal 4 dan 20 akan membolehkan prosedur tidak memerlukan pembuktian kes prima facie dipakai dalam kes-kes tertentu apabila arahan bagi pemakaian prosedur sedemikian diberikan oleh Menteri. Menteri boleh memberikan arahan sedemikian hanya jika Malaysia mempunyai perjanjian dengan sesebuah negara yang lain dan perjanjian itu mengandungi peruntukan yang membenarkan pembuktian kes prima facie diketepikan dan hanya boleh permohonan ekstradisi yang diterima daripada negara sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kesalah ekstradisi disenaraikan satu-persatu dalam undang-undang ekstradisi. Ini tidak praktik kerana setiap kali keputusan diambil untuk memasukkan kesalahan ekstradisi baru, undang-undang itu akan perlu dipinda. Rang Undang—undang baru ini tidak menyenaraikan kesalahan-keaalahan itu satu-persatu, tetapi fasal 6 diperuntukkan bahawa kesalahan ekstradisi ialah satu kesalahan termasuk kesalahan fizikal yang boleh dihukum dengan hukuman peraejaraan yang tidak kurang daripada satu tahun atau boleh dihukum di Malaysia atau negara yang meminta ekstradisi itu dengan hukuman mati.

Tuan Yang di-Pertua, dengan Rang Undang-undang yang ada sekarang, terdapat beberapa sekatan terhadap pengembalian

penjenayah-penjenayah buruan. Dalam Rang Undang-undang ini dua sekatan tambahan telah dimasukkan. Ini dapat dilihat dalam perenggan (b) dan (c) fasal 8. Menurut peruntukan-peruntukan itu seseorang penjanayah buruan tidak boleh dipulangkan ke negara yang meminta supaya dia diekstradisikan jika permintaan itu dibuat dengan tujuan untuk mendakwa atau menghukum penjenayah buruan itu oleh sebab ras, agama, kerakyatan atau fahaman politiknya atau jika dia mungkin akan termudarat dalam pembicaraannya, atau dihukum atau dipenjarakan oleh sebab ras, agama, kerakyatan atau fahaman politiknya.

Selain dari itu, fasal 9 Rang Undang-undang ini memasukkan peruntuk baru yang merupakan kecualian bagi sekatan terhadap pemulangan kerana kesalahan yang bersifat politik. Di bawah fasal 9 ini, pembunuhan atau kesalahan sengaja lain terhadap ketua negara atau anggota keluarga terdekat ketua negara itu tidak dikira kesalahan politik. Satu kecualian lagi diperuntukkan dalam hal apabila Malaysia dari negara yang meminta ekstradisi itu menjadi pihak kepada suatu treaty antarabangsa yang di bawahnya sesuatu perbuatan adalah merupakan suatu kesalahan yang kerananya seseorang itu boleh diekstradisikan atau didakwa walau apapun sifat politik atau dorongan perbuatan itu. Dalam hal sedemikian, orang itu boleh dipulangkan ke negara itu walaupun kesalahannya bersifat politik.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan baru selanjutnya yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini ialah mengenai rukun kekhususan dan penyerahan kepada negara ketiga. Rukun kekhususan yang terkandung di dalam undang-undang ekstradisi yang sedia ada

menyatakan bahawa seseorang penjenayah buruan yang telah diserahkan kepada negara yang meminta penyerahannya tidak boleh didakwa atau ditahan di negara tersebut untuk sesuatu kesalahan selain daripada kesalahan yang berkaitan dengan penyerahan itu diminta. Undang-undang ekstradisi yang sedia ada juga tidak mempunyai peruntukan yang membolehkan seseorang penjenayah buruan diserahkan kepada negara ketiga oleh negara yang meminta penyerahannya walaupun prosiding terhadapnya di negara itu telah selesai.

Fasal 10 Rang Undang-undang ini membuat peruntukan yang membolehkan seseorang penjenayah buruan didakwa atas sesuatu kesalahan yang lain daripada kesalahan yang berkenaan dengan dia diserahkan, dan juga membenarkan seseorang penjenayah buruan diserahkan kepada sebuah negara ketiga yang meminta penyerahannya sekiranya Menteri memberilkan keizinan untuk tujuan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini apabila menentukan sama ada satu waran sementara patut dikeluarkan bagi penangkapan seseorang penjenayah buruan, majistret tidak diberi kebenaran secara nyata dalam undang-undang untuk mengambilkira matlamat yang terkandung dalam notis antarabangsa.

Dengan izin, writ individual notices, yang dikeluarkan oleh INTERPOL.

**Pasal 13(2)** Rang Undang-undang ini mengandungi peruntukan nyata yang membenarkan Majistret berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Ekstradisi yang sedia ada, tidak mempunyai peruntukan yang membolehkan seseorang penjenayah buruan diserahkan tanpa prosiding komital kepada negara yang meminta penyerahannya walaupun penjenayah tersebut bersetuju untuk diserahkan sedemikian.

**Pasal 22** Rang Undang-undang Ekstradisi ini memperuntukkan bahawa seseorang penjenayah buruan boleh memaklumkan Mahkamah tentang persetujuannya untuk diserahkan kepada negara yang meminta penyerahannya. Dan dengan persetujuan tni, segala prosiding komital boleh diketepikan. Bagaimanapun, Mahkamah perlu memastikan bahawa persetujuan penjenayah buruan tersebut diberikan dengan sukarela dan selepas itu memberikan nasihat yang sewajarnya kepada penjenayah itu mengikut mengenai akibat persetujuatmya itu.

Seseorang penjenayah buruan yang diserahkan sedemikian masih dilindungi oleh Rukun Kekhususan seperti yang disebutkan di atas.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini tidak ada peruntukan undang-undang yang membolehkan penjenayah-penjenayah buruan yang sedang menjalani hukuman penjara di Malaysia diserahkan buat sementara kepada sesuatu negara yang meminta penyerahannya untuk

didakwa di negara itu. Dia hanya boleh diserahkan selepas dia menjalani hukuman dan dia mungkin memakan masa yang panjang.

Peruntukan yang membenarkan penyerahan sedemikian difikirkan perlu untuk memastikan bahawa seseorang penjenayah buruan itu tidak terlepas daripada dakwaan oleh sesebuah negara di mana kesalahan itu berlaku, semata-mata kerana dia dipenjarakan di negara yang lain.

Di bawah Rang Undang-undang Ekstradisi ini, **fasal 29 hingga 31** membuat peruntukan mengenai penyerahati sementara penjenayah-penjenayah buruan yang juga merupakan banduan untuk didakwa di negara yang meminta penyerahannya. Prosiding komital perlu diadakan sebelum penyerahan sementara itu dilakukan. Selepas pendakwaannya di negara yang meminta penyerahannya, dia hendaklah dihantar balik ke Malaysia untuk menjalani baki hukuman penjaranya. Dia akan hanya diserahkan semula kepada negara yang meminta penyerahannya jika negara itu masih menghendaki ekstradisinya selepas dia menjalani baki hukuman di Malaysia itu.

Tuan Yang di-Pertua, hak untuk **habeas corpus** terkandung di dalam Seksyen 365 - Kanun Proaedur Jenayah, tetapi hak kajian semula untuk kes-kes ekstradisi tidak diperuntukkan di bawah Kanun Prosedur Jenayah ataupun Undang-undang Ekstradisi yang sedia ada.

**Fasal 37** Rang Undang-undang Ekstradisi 1991 memberikan hak kepada negara yang meminta penyerahan seseorang penjenayah buruan untuk dapat permohonan melalui pendakwaraya kepada Mahkamah Tinggi

bagi mengkaji semula perintah sesuatu Mahkamah Sesyen supaya seseorang penjenayah buruan dilepaskan. Bagaimanapun, hak kajian semula ini hanya terhad kepada isu undang-undang sahaja.

Tuan Yang di-pertua, satu lagi peruntukan baru yang sekarang ini tidak terdapat dalam Undang-undang ekstradisi yang sedia ada ialah peruntukan yang dicadangkan dalam fasal **41** Rang Undang-undang ini. Pasal ini membenarkan seseorang Pegawai Undang-undang atau Peguam dari sebuah negara asing menguruskan sesuatu kes ekstradisi atau membantu Pendakwa Raya di Mahkamah di dalam kes ekstradisi. Peruntukan ini dicadangkan kerana adalah difikirkan bahawa di dalam kes-kes yang kompleks, yang mungkin memakan masa yang panjang untuk diselesaikan, adalah lebih baik jika Pegawai Undang-undang atau Peguam asing yang telah menguruskan kes itu dari mulanya dan lebih arif tentang kerumitannya, membuktikan kes itu di Mahkamah. Walau bagaimanapun, Pegawai atau Peguam sedemikian hanya boleh berbuat demikian dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya. Bagi maksud-maksud kes yang begini, **fasal 41** ini memperuntukkan bahawa undang-undang berkenaan dengan perihal kemasukan pegawai dan peguam itu serta hak mereka untuk hadir di Mahkamah tidaklah terpakai bagi Pegawai Undang-undang atau Peguam asing **itu**.

Tuan Yang di-Pertua, **fasal 49** mengandungi satu lagi peruntukan baru. Fasal itu memberi Menteri budi bicara untuk menolak permintaan bagi penyerahan seseorang penjenayah buruan jika penjenayah

tersebut ialah seorang warganegara Malaysia atau kesalahan ekstradisi itu merupakan kesalahan yang ke atasnya Mahkamah di Malaysia mempunyai bidang kuasa. Fasal ini mencerminkan salah satu peruntukan mengenai ekstradisi di bawah convention untuk membanteras kegiatan pengedaran dadah narkotik dan bahan-bahan psikotropik. Jika seseorang penjenayah buruan tidak diekstradisikan berasaskan peruntukan dalam **fasal 41** ini dan Mahkamah di Malaysia mempunyai bidang kuasa ke atas kesalahan itu, maka penjenayah itu wajib didakwa di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini Mahkamah di Malaysia boleh dikehendaki mengambil keterangan untuk digunakan di dalam sesuatu ekstradisi di hadapan mana-mana Mahkamah atau di Tribunal di sesuatu negara lain. Bagaimanapun, tidak ada peruntukan yang nyata yang membenarkan Mahkamah di Malaysia mengambil keterangan untuk kegunaan sesuatu prosiding di tiegara lain mengenai ekstradisi penjenayah buruan yang diminta oleh Malaysia.

**Pasal 52** ialah peruntukan baru yang membolehkan keterangan diambil oleh Mahkamah di Malaysia untuk diserahkan kepada negara yang diminta oleh Malaysia supaya menyerahkan seseorang penjenayah buruan supaya keterangan tersebut dapat digunakan dalam prosiding ekstradisi penjenayah itu.

Tuan Yang di-Pertua, ekstradisi di antara Malaysia dengan Brunei Darussalam dan Singapura terkandung dalam Bahagian V Rang

Undang-undang Ekstradisi ini. Prosedur berkaitan dengan kes ekstradisi ke Brunei Darussalam dan Singapura adalah berlainan daripada prosedur biasa untuk kes ekstradisi ke negara-negara lain. Prosedur yang biasa memerlukan prosiding komital dan dalam prosiding itu Mahkamah perlu memastikan bahawa satu kes prima—facie wujud sebelum Mahkamah boleh mengeluarkan perintah komital.

Dalam prosedur berkaitan dengan ekstradisi di antara Malaysia dengan Brunei Darussalam dan Singapura, penangkapan seseorang penjenayah buruan boleh dibuat di Malaysia selepas waran dikeluarkan oleh negara-negara tersebut diendors oleh Mahkamah di Malaysia. Penjenayah buruan yang berkenaan selepas ditangkap perlu dihadapkan ke Mahkamah dan perintah akan dikeluarkan bagi penyerahannya. Ini boleh dibuat selepas Mahkamah di Malaysia berpuas hati bahawa penjenayah buruan itu ialah orang yang dikehendaki menurut waran tangkap yang diendors.

Prosiding komital tidak diperlukan. Peruntukan ini adalah serupa dengan yang terdapat dalam Rang Undang-undang di Republik Singapura dan telah berjalan sekian lama tanpa menghadapi sebarang kesulitan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, saya ingin menyatakan sekali lagi bahawa apabila Rang Undang-undang Ekstradisi 1991 ini diluluskan, negara ini akan mempunyai suatu undang-undang yang lebih lengkap dan kemaskini mengenai ekstradisi. Wujudnya undang-undang

ini juga akan memastikan bahawa rujukan tidak lagi perlu dibuat kepada dua undang-undang yang berlainan. Ini akan mempermudah proses ekstradisi penjenayah buruan dari Malaysia dan ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Jen.(B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta yang berhubungan dengan Ekstradisi Penjenayah-penjanayah Buruan di-bacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat Dato' Azumu.

6.19 ptg.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta yang berhubungan dengan Ekstradisi Penjenayah-penjenayah Buruan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang ini membuktikan kepada kita bahawa hubungan kita dengan negara-negara luar adalah seimbang dan membuktikan juga bahawa kita mengikuti peredaran dan kehendak-kehendak masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik tentang fasal 8 mengenai sekatan-sekatan tertentu ke atas pemulangan penjenayah-penjenayah buruan. Antara lain seseorang penjenayah buruan boleh kepada sesuatu negara dan cuba mendapatkan pemulangannya jika kesalahan yang baginya pemulangan ini cuba didapatkan ialah kesalahan-kesalahan yang disifatkan politik atau jika ada, jika dia akan didakwa atau dihukum kerana rasnya, agamanya atau fahaman politiknya.

Tuan Yang di-Pertua, di maaa iai di mana dunia peredaran fahaman politik sentiasa berubah dan pendapat seseorang itu sentiasa berubah, kadangkala diterima oleh rakyat dan kadangkala tidak. Adalah perlu supaya ahli-ahli politik ini diselamatkan apabila ianya menghadapi masalah-masalah yang tertentu.

Satu perkara saya ingin bertanya atau mengkritik Kerajaan centang perkara, ini adalah tentang ayat 'rasnya' ini - 'r-a-s-n-y-a' ini maknanya adalah 'bangsanya'. Biasanya di dalam borang-borang Kerajaan, apabila bertanya butir seseorang itu, ditulis di situ 'bangsa' Melayu, Cina, India dan sebagainya. Kenapakah di dalam Rang Undang—undang ini digunakan perkataan '**ras**' ini, 'race' dikatakan 'ras'. Kemungkinan pihak penggubal ini cuba hendak mengemukakan ayat yang baru, tetapi jika ianya susah hendak difahami oleh orang ramai, saya fikir tidaklah patut digunakan. Gunakanlah ayat-ayat yang boleh difahami oleh orang ramai, terutama apabila mungkin daripada segi Rang Undang-undang tanya perlu, tetapi dari segi menyampaikan huraian di dalam Rang Undang-undang ini ianya haruslah difahami oleh orang ramai dengan senangnya.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:**  
Perkataan 'ras' di mukasurat berapa, Yang Berhormat?

**Dato' Azumu bin Tak:** Di mukasurat 46, nombor 4, apabila menyebut Fasal 8, ayat di barisan yang ke 6. Maksud tujuannya adalah 'race' dalam bahasa Inggerisnya dan biasanya kita sebut

'bangsa' seperti yang saya katakan, tetapi di sini disebut 'ras'. Tiba di situ dikatakan 'rasnya', lagi menjadi masalah apabila dibaca sekaligus. Yang sebenarnya 'rasnya' iaitu 'bangsanya', itu tujuannya.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd, Seth:**  
terima kasih.

**Dato' Azumu bin Tak:** Oleh itu, saya harap Kerajaan di masa yang lain dapat memikirkan kepentingan pembacanya, bukan sahaja untuk kepentingan penulisnya sahaja. Sungguhpun begitu, saya ingin memuji tentang Jadual-jadual ini yang dikemukakan sepenuhnya di dalam Bahasa Kebangsaan. Sungguhpun di masa saya membahaskan Rang Undang-undang Sewa-Beli, saya telah menegur tentang perkara ini tetapi malangnya jawapan Kerajaan adalah kerana jika mengikut Perlembagaan Negara kita, hubungan di antara syarikat dengan syarikat bolehlah dibuat dalam bahasa Inggeris, tetapi itupun benar. Tetapi jika perkara itu senang, borang yang simple, kenapa ianya perlu di dalam bahasa Inggeris, walhal di sini, di dalam Rang Undang-undang Ekstradisi ini, semuanya menghendaki perkara undang-undang yang perlu diikuti ayat yang betul ditulis dalam Bahasa Kebangsaan dan dapat diterima oleh undang-undang. Saya mohon melalui Menteri yang berkenaan membawa ini balik kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sekali lagi untuk membaca dan mengemaskini semula Rang Undang-undang Sewa-Beli itu.

Bersabit dengan Rang Undang-undang Ekstradisi ini juga, kita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana ianya juga

bertujuan dapat membanteras kegiatan dadah dan sebagainya supaya ianya dapat ditukar apabila seseorang itu perlu diextradict, maka ianya boleh diextradictkan daripada negara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kadangkala kita hairan negara-negara lain pun ada undang-undang seumpama **ini**, tetapi saya ingin bertanya kepada Kerajaan kedudukan seorang pegawai BMF kita dahulu yang masih ditahan di London, kenapakah dari segi Undang-undang Extradisi itu masih tidak dapat dibawa balik beliau itu ke Hongkong untuk dibicarakan. Kemungkinan Rang Undang-undang kita dengan Great Britain dan di Hongkong adalah sama dengan Rang Undang-undang Ekstradisi ini, tetapi begitu lama masih tidak dapat dibicarakan. Saya mengemukakan ini kerana kemungkinan apabila ianya dibicarakan di Hongkong, banyaklah kisah-kisah yang dapat kita ketahui nanti kerana kes BMF itu sehingga pada hari ini masih terbengkalai dan kita berasa tertunggu-tunggu untuk mendengar cerita yang sebenarnya. Mungkin kita.....

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat memberikan nama pegawai yang berkenaan?

**Dato' Azumu bin Tak:** Lorrain Esme Osman. Beliau, konon ceritanya, telah gagal beberapa kali, tetapi dapat membuat rayuan juga beberapa kali dan sehingga hari ini masih di dalam remand di London. Tidakkah boleh Kerajaan kita bercakap dengan Kerajaan Major di sana supaya cepat dibawa balik ke Hongkong dan dibicarakan? Apa yang kita minat sangat adalah kisah yang sebenarnya yang berlaku,

konon-kononnya apa yang dibuatnya adalah disebabkan oleh seorang bekas pemimpin Kerajaan satu ketika dahulu yang menggalakkannya berbuat demikian, kesalahan itu dan kalau ianya benar, maka kita hendak tahu cerita sebenarnya.....

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:**  
Yang Berhormat, kalau ucapan Yang Berhormat boleh dihabiskan dalam masa 30 saat lagi, boleh saya panjangkan. Kalau tidak, besok kita sambung.

**Dato' Azumu bin Tak:** Terima kasih.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:**  
Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**